

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
No. Kajian: 84 Mo
No Perolehan: T 0898
Tarikh: 12/84

KELUARGA ISLAM:
SATU KAJIAN MENGENAI PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN
DI DAERAH SABAK BERNAM SELANGOR

Dedikasi untuk,

Oleh
Serta keluarga tercinta ...
MOHD YUSUFF BIN ASMAWI
NOMBOR Matrik: 41945

Senoga saha ku diberkati Allah.

SEBAGAI MEMENUHI SYARAT-SYARAT IJAZAH SARJANA
MUDA SASTERA DAN SAINS SOSIAL

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
SESI 1984/85

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t.

Bismillahirrahmanirrahim.

Syukur Alhamdulillah kerana dengan keizinan Allah s.w.t. maka dapat saya menyiapkan latihan ilmiah ini biarpun masih terdapat banyak kelemahan yang masih perlu diperbaiki lagi. Dengan ini saya mengucapkan jutaan terima kasih saya kepada mereka yang membantu dan memberi kerjasama hingga saya dapat menyiapkan latihan ilmiah ini. Ucapan terima kasih saya, saya tujukan terutamanya kepada penyelia saya Drs. Ahmad Kamar Abdul Rahman yang telah banyak membimbing dan memberi nasihat dan teguran yang berguna untuk membaiki kelemahan yang terdapat pada diri saya. Di samping itu saya juga mengucapkan rasa terima kasih kepada para kakitangan Jabatan Agama Islam Sabak Bernam Selangor yang telah memberi kerjasama yang amat memuaskan semasa saya melakukan penyelidikan di jabatan itu. Tidak lupa juga saya ucapan terima kasih kepada para responden dan orang ramai yang telah memberi maklumat-maklumat yang berguna untuk latihan ilmiah ini. Akhir sekali ucapan terima kasih saya tujukan kepada kedua ibu dan bapa saya serta rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberi semangat dan dorongan sehingga saya dapat menyiapkan latihan ilmiah ini.

Mohamad Yusuff bin Asmawi
Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Universiti Malaya
Kuala Lumpur
Sesi 1984/85

BAB IV: SINOPSIS

BAB I: PENGENALAN

Dalam bab ini penulis akan membincangkan secara penyeluruh mengenai tujuan kajian, bidang kajian, kaedah yang digunakan untuk mengumpul data dan maklumat, tempat penulis menjalankan kajian dan masalah-masalah yang penulis hadapi semasa melakukan kajian.

BAB II: KELUARGA IDEAL MENURUT PANDANGAN ISLAM

Dalam bab ini penulis akan membincangkan konsep hidup berkeluarga menurut Islam. Di sini Islam yang berpandukan Al Quran dan Hadith telah merangkakan bagaimana umat manusia dapat hidup bahagia dalam berkeluarga iaitu mengamalkan sistem kekeluargaan Islam. Penekanan diberikan kepada peranan setiap individu dalam sebuah keluarga dalam memelihara kesetabilan rumah tangga.

BAB III: PERKAHWINAN DARI PERSPEKTIF ISLAM

Dalam bab ini penulis akan membincangkan perkahwinan dari perspektif Islam yang merangkumi aspek-aspek definisi perkahwinan hukum perkahwinan, tujuan perkahwinan dan panduan memilih jodoh. Kesemua aspek-aspek ini dibincang menurut Al-Quran dan Hadith. Penulis juga memberi saran-saran ke arah umma mengurangkan kadar percerian di kalangan masyarakat.

BAB IV: PERCERAIAN DARI PERSPEKTIF ISLAM

Dalam bab ini juga perbincangan berkaitan dengan masalah hukum iaitu definasi perceraian, hukum perceraian, perkara-perkara yang boleh menjatuhkan talaq dan akhir sekali penulis membincangkan mengenai salah faham mengenai konsep perceraian dalam Islam.

BAB V : SATU KAJIAN MENGENAI PERCERAIAN DI DAERAH SABAK BERNAM SELANGOR

Dalam bab ini penulis telah membuat satu kajian luar mengenai perceraian di daerah Sabak Bernam. Tumpuan kajian ialah melihat apakah faktor-faktor yang membawa kepada berlakunya perceraian di kalangan masyarakat di daerah ini. Di samping itu penulis juga membuat penilaian terhadap kadar perceraian yang berlaku di daerah ini berdasarkan data-data yang diperolehi.

BAB VI: KESIMPULAN

Dalam bab ini penulis cuba menyimpulkan dari perbincangan-perbincangan diri bab-bab sebelumnya. Penulis membuat kesimpulan bahawa perpecahan rumah tangga yang berlaku di kalangan masyarakat Islam ialah kerana individu-individu dalam rumah tangga sudah tidak memainkan peranan dan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya seperti yang tercatat dalam Al Quran dan Hadith. Di samping itu penulis juga memberi saranan-saranan ke arah usaha mengurangkan kadar perceraian di kalangan masyarakat.

	KANDUNGAN	Muka Surat
PENGHARGAAN	... DARI PERSPEKTIF ISLAM	i 7 - 50
SINOPSIS	...	ii 8 - iii
KANDUNGAN	...	iv 1 - v 2
BAB I: PENGENALAN		
BAB VI	I) Tujuan Kajian	1 - 4
	II) Bidang Kajian	4 - 6
	III) Methodologi	6
	a) Kajian Perpustakaan	7
	b) Kajian Luar	7 - 9
	IV) Tempat Kajian	9 - 10
	V) Masalah Kajian	10 - 13
BAB II: KELUARGA IDEAL MENURUT PERSPEKTIF ISLAM ..		14 - 22
BAB VI	I) PERANAN SUAMI; Hak Isteri Dan Anak-anak	23 - 28
	II) PERANAN ISTERI; Hak Suami Dan Anak-anak	28 - 32
	III) PERANAN ANAK-ANAK; Hak Ibubapa ...	32 - 34
	IV) Aspek Lain Dalam Kehidupan Keluarga ..	34 - 36
	V) Kesimpulan	36
BAB III: HUKUM PERKAHWINAN DALAM ISLAM		
	I) Definasi Perkahwinan Dari Perspektif Islam	37 - 42
	II) Tujuan Perkahwinan	42 - 48
	III) Hukum Berkahwinan Dalam Islam ...	48 - 52

IV) Pemilihan Jodoh Menurut Islam	...	53	-	56		
V) Kesimpulan	56		
BAB IV: PERCERAIAN: DARI PERSPEKTIF ISLAM						
I) Hukum Talaq	60	-	61
II) Konsep Talaq Dalam Islam	61	-	72
III) Kesimpulan	73	-	74
BAB V: SATU KAJIAN MENGENAI PERCERAIAN DI DAERAH SABAK BERNAM SELANGOR						
I) Kesalahan di Pihak Suami	79	-	82		
II) Kesalahan di Pihak Isteri..	...	83	-	85		
III) Tiada Persesuaian	...	86	-	89		
IV) Campurtangan Keluarga	...	89	-	92		
V) Penyelewengan Dalam Berpoligami	...	92	-	94		
VI) Cemburu	...	95	-	96		
VII) Lain-lain Faktor..	...	96	-	97		
VIII) Satu Pandangan Mengenai Perceraian Dan Perkahwinan di Daerah Sabak Bernam...	97	-	99			
BAB VI: KESIMPULAN						
BIBLIOGRAFI	...	100	-	107		
108	-	110				

BAB I

PENGENALAN

1) Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah seperti yang termaklum sebagai satu syarat wajib kepada pelajar-pelajar sains sosial (Jabatan Antropologi dan Sosiologi) untuk mendapat Sarjana Muda (Kepujian) Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya. Di samping itu dengan adanya latihan bercorak ilmiah ini dapatlah seorang pelajar sains sosial mendalami dengan lebih terperinci lagi tentang subjek ini kerana adalah tidak lengkap bagi seorang pelajar sains sosial hanya mempelajari teori tanpa melakukan sebarang praktikal. Dengan adanya kajian bercorak ilmiah ini maka dapatlah pelajar sains sosial mengaplikasikan teori-teori yang dipelajari di dewan kuliah kepada satu latihan praktikal di luar (fieldwork).

Pemilihan tentang "subjek" penyelidikan mengenai keluargaan, perkahwinan dan perceraian menurut perspektif Islam, adalah memandangkan secara Sosiologi belum ada kajian yang dilakukan baik secara terperinci maupun secara latihan ilmiah mengenai bidang kajian di atas. Walaupun ada kajian lain yang dilakukan oleh pelajar tetapi tidak merangkumi satu bidang yang luas dan ia hanya terhad kepada skop yang tertentu sahaja. Di Jabatan Antropologi dan Sosiologi terdapat dua buah kajian yang bersangkutan dengan bidang ini tetapi skop kajian adalah tertumpu

kepada soal perceraian.¹ Di samping itu kajian dibuat bukan dari perspektif Islam tetapi adalah dari perspektif kriminologi iaitu kajian mengenai "Social deviance."

Sementara itu di Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya terdapat beberapa kajian yang berkaitan dengan bidang ini, tetapi ia adalah tidak berupa kajian yang bercorak sosiologi se-penuhnya kerana kajian dibuat adalah penggolongan antara undang-undang dan sosiologi.² Dalam kajian yang dibuat, pengkaji lebih menumpukan kepada sistem perundangan yang merangkumi hukum dan akta nikah cerai. Sedikit kaedah sosiologi digunakan ialah kajian mengenai punca-punca perceraian yang berlaku di kalangan masyarakat.

¹ Jabatan Antropologi dan Sosiologi terdapat dua latihan ilmiah mengenai bidang ini.

- (a) Murad Muhamad - Pola-pola Perceraian dalam masyarakat Islam di Daerah Mersing. (sesi 76/77).
- (b) Ismail Dollah - Faktur Perceraian dalam masyarakat Melayu Kelantan, Kajian Kes di Kota Baru (sesi 81/82).

² Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya.

- (a) Wan Arfah bte Wan Ibrahim - Satu Kajian mengenai Perkahwinan dan Perceraian di Kedah (1980).
- (b) Suppiah Meon - Kuasa Mahkamah Syariah dalam Perkahwinan Perceraian dan pembahagian Pusaka ke atas adat pepatih.
- (c) Nik Ramlah Nik Mahmud - Muslim Divorce in Kelantan, a socio Legal Study.
- (d) - Perkahwinan dan Perceraian di kalangan orang Islam di Negeri Sembilan.
- (e) Nasirah - Islam, akhlak, mazhab, mitikal.

Memandangkan kekeluargaan dan perkahwinan adalah merupakan salah satu daripada ajaran Islam di mana ia terangkum di bawah perkara munakahah,³ mereka adalah penting, perkara ini diketahui dan disedari oleh umat Islam seluruhnya. Oleh itu dengan adanya kajian yang dilakukan oleh penulis, semoga dapat memberi kefahaman dan kesedaran yang lebih mendalam kepada bidang ini untuk diaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari. Ini memandangkan pada hakikatnya sejak akhir-akhir ini sering berlaku pergolakan rumah tangga yang berpunca dari kurangnya pengetahuan dan pendidikan mengenai kekeluargaan dan perkahwinan menurut Islam. Adalah penting bagi setiap keluarga menjaga kestabilan dan keharmonian rumah tangga demi untuk mengelakkan sebarang perselisihan yang akan membawa akibat yang tidak diingini oleh sesebuah keluarga iaitu perceraian. Justeru dengan adanya kajian ini semoga dapat memberi panduan kepada setiap individu tentang apakah peranan mereka dalam membina sebuah keluarga yang kukuh dan harmoni.

Selain daripada itu selaras dengan dasar kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Datuk Seri Mahathir Mohamad yang sedang giat men-

³ Dalam ajaran Islam terbahagi kepada empat aspek.

- (i) Ibadat - seperti sembahyang, puasa, menunaikan haji dan lain-lain.
- (ii) Munakahah - seperti Perkahwinan, perceraian, kekeluargaan dan lain-lain.
- (iii) Jenayah - Undang-undang jenayah dan lain-lain.
- (iv) Muanalah - Sistem ekonomi, zakat, baitulmal.

jalankan proses penerapan nilai-nilai Islam di negara ini maka adalah wajar jika penerapan nilai-nilai Islam diterapkan sepenuhnya kepada sistem kekeluargaan demi untuk menjamin terbentuknya sebuah masyarakat Islam yang kukuh, harmoni dan stabil. Dalam ucapan Datuk Seri Mahathir Mohamad baru-baru ini menegaskan bahawa Islam adalah boleh menjadi pengganti kepada "tamadun moden" kerana ia mampu menyediakan satu struktur nilai dan semangat yang diperlukan untuk kesejahteraan umat manusia.⁴ Seterusnya beliau menambah adalah perlu amalan berpolitik, sistem masyarakat dan ekonomi disusun semula agar bersesuaian dengan ajaran Islam demi kesejahteraan sosial, keadilan politik dan keberkesanan ekonomi serta menyediakan umat menghadapi sebarang cabaran. Oleh itu memandangkan kekeluargaan merupakan ciri utama dalam kehidupan bermasyarakat maka aspek inilah yang patut diterapkan nilai-nilai Islam sepenuhnya.

II) Bidang Kajian

Seperti yang tertera pada tajuk latihan ilmiah ini "Keluarga Islam; kajian mengenai nikah dan cerai," maka bidang kajian tidak lari dari 3 aspek utama yang akan diperbincangkan

⁴ Ucapan oleh Datuk Seri Mahathir b. Mohamad, dalam Seminar Antarabangsa Pemikiran Islam anjuran Institut Pemikiran Islam Antarabangsa dan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Dalam Berita Harian 27 Julai 1984.

iaitu kekeluargaan, perkahwinan dan perceraian menurut perspektif Islam. Walaupun ketiga-tiganya nampak berasingan, tetapi sebenarnya ia mempunyai perkaitan yang rapat di antara satu sama lain sehingga ia boleh disatukan di bawah satu bidang kajian. Dalam kajian ini penulis telah mengkaji tentang sistem kekeluargaan yang patut dipraktikkan oleh umat Islam berpandukan kepada Al-Quran dan hadith. Selanjutnya penulis akan membincangkan apakah kriteria yang patut dipraktikkan oleh setiap keluarga demi untuk membentuk sebuah rumahtangga yang ideal menurut perspektif Islam. Segala kriteria ini adalah menurut apa yang terkandung dalam ajaran Islam iaitu berpandukan kepada dua sumber utama iaitu Al-Quran dan Al-Hadith. Di sini penulis akan memberi penjelasan tentang betapa pentingnya setiap individu dalam sebuah keluarga memainkan peranan masing-masing untuk membentuk sebuah rumahtangga yang harmoni, kukuh dan sejahtera. Peranan yang dimainkan itu bergantung pula kepada status masing-masing, umpamanya seorang bapa berperanan sebagai pemimpin yang bertanggungjawab dalam keluarga, sementara seorang ibu sebagai pembimbing kepada anak-anak. Selanjutnya jika setiap individu melaksanakan peranan yang diamanahkan kepada mereka seperti yang dianjurkan oleh Islam maka ujudlah sebuah keluarga yang kukuh dan terelak dari berlakunya sebarang pergolakan yang membawa kepada perceraian.

Perkara kedua yang penulis utarakan ialah perkahwinan. Kerana tanpa adanya perkahwinan maka tidak ujudlah apa yang dinamakan keluarga. Dalam Islam perhubungan antara lelaki dan

perempuan yang bukan muhrim ada peraturan yang tertentu dan tidak boleh sembarang. Islam menghalalkan pergaularan antara lelaki dengan perempuan setelah mereka disatukan menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Islam. Selanjutnya penulis akan membincangkan tentang kepentingan perkahwinan dalam Islam dan hukum-hukum yang merangkumi aspek ini berpandu kepada Al-Quran dan Hadith dan kitab-kitab yang dikarang oleh ulama dan sarjana Islam.⁵

Dalam aspek perceraian pula, penulis akan membincangkan hukum-hukum mengenai perceraian dari perspektif Islam. Di samping itu penulis telah membuat satu kajian luar untuk mengetahui apakah faktur-faktur yang membawa kepada berlakunya perceraian di kalangan umat Islam dewasa ini.

III) Methodologi

Dalam menjalankan kajian ini, penulis telah menggunakan beberapa teknik dalam sains sosial untuk mengumpul maklumat dan data-data yang ada kaitan dengan bidang ini. Di sini penulis telah menggunakan dua teknik utama iaitu teknik penyelidikan perpustakaan dan kajian luar (fieldwork).

⁵ Hukum-hukum yang dibincangkan adalah menurut Mahzab-Shafie

a) Kajian Perpustakaan

Teknik ini digunakan untuk mengambil dan mengumpul bahan-bahan dan maklumat daripada buku-buku artikel dan lain-lain. Di sini penulis sepandapat dengan seorang pengkaji yang menyatakan bahawa;

"it is important because on research inevitably
the use of book, pamphlet periodical and
documentary material in library"⁶

Kepentingan kajian dan buku-buku terutamanya dalam bab teori dan hukum di mana penulis terpaksa menunjuk kepada buku-buku yang dikarang oleh Sejarah Islam untuk mendapatkan keterangan yang jelas dan betul. Di samping itu teknik ini juga digunakan semasa penulis mencari data dan maklumat di Jabatan Agama Islam seperti untuk mendapat data-data mengenai perkahwinan dan perceraian dan maklumat-maklumat bertulis mengenai perceraian.

b) Kajian Luar

Dalam kajian luar penulis telah menggunakan dua teknik iaitu temuramah (interview) dan pemerhatian (observation). Teknik temuramah penulis gunakan untuk mendapat maklumat-maklumat mengenai

⁶ Goode, W.J. and Hatt D.K., Methods in Social Research, Mc Graw - Hill, Kaga Kusha, Series in Anthropology and Sociology, New York 1982, hal 103.

percerai dengan cara menemuramah orang-orang yang pernah ber-cerai, atau menemuramah informan utama iaitu bertemubual dengan orang-orang yang mengetahui hal-hal yang berkaitan dengan kajian ini seperti jiran-jiran yang berdekatan dengan keluarga yang ber-cerai, Kadhi dan Pegawai Kebajikan Wanita. Dalam teknik ini penulis telah berpeluang berbual dengan mereka secara lebih personal.

Menurut Seltiz bahawa;

"In an interview, since the interviewer and the present interviewee are both present as the questions are asked and answered there is opportunity for greater care in communicating questions and in eliciting information; In addition the interviewer has opportunity to observe both the subject and the total situation to which her or she is responding"⁷

Daripada teknik ini penulis dapat bertemubual dan ber-soal jawab dengan orang-orang berkenaan dan penulis dapat ianya sangat berguna dalam kaedah untuk mencari maklumat.

Teknik pemerhatian pula digunakan di mana penulis sendiri memerhati keadaan yang sebenar dalam masyarakat yang dikaji kerana kajian dilakukan di tempat tinggal penulis sendiri. Oleh itu penulis

⁷ C. Seltiz, Reseach methods in Social Relation Revised One - Volume Edition, New York 1959 hal 294.

lebih berpeluang memerhati keadaan sebenar yang berlaku dalam masyarakat dalam menjalani kehidupan **berkeluarga**, **pergolakan rumah tangga** dan faktor-faktor yang membawa kepada perceraian. Satu kelebihan teknik ini ialah penulis dapat memerhatikan dengan sendirinya keadaan yang berlaku dalam masyarakat dan maklumat yang diperolehi adalah maklumat-maklumat yang berbentuk "first hand". Kepentingan teknik pemerhatian ini dinyatakan oleh seorang Sarjana bahawa;

"Observation is not only one of the most pervasive activities of daily life; it is a primary tool of scientific inquiry"⁸

IV) Tempat Kajian

Penulis telah memilih daerah Sabak Bernam Selangor sebagai tempat kajian atas beberapa faktor. Pertamanya kerana memandangkan daerah ini adalah merupakan tempat asal penulis dan ini memudahkan lagi penulis menjalankan kajian keduanya memandangkan belum adanya kajian berkaitan dengan bidang ini yang pernah dilakukan di daerah ini. Untuk mendapatkan maklumat dan data-data penulis mendapatkan dua buah Jabatan Agama Islam yang terdapat

⁸ Moser and Kalton, Survey method on Social investigation; 2nd Edition, London, 1971, hal 245.

di daerah ini iaitu di Jabatan Agama Islam Sabak Bernam Selangor dan Jabatan Agama Islam Sungai Besar, Sabak Bernam Selangor.⁹ Daripada dua buah jabatan ini penulis telah menganalisa 65 kes perceraiian iaitu 40 kes di pejabat agama Islam Sungai Besar dan 25 kes dari Jabatan Agama Islam Sabak Bernam. Di samping itu juga penulis telah menemuramah 5 orang janda yang kesemuanya dari kampung penulis iaitu kampung Sungai Air Tawar, salah sebuah kampung dalam daerah Sabak Bernam. Dalam kajian perpustakaan pula, penulis telah menggunakan beberapa buah perpustakaan iaitu perpustakaan Besar Universiti Malaya, Perpustakaan Bertanda Merah Universiti Malaya, Perpustakaan Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya dan Perpustakaan Daerah Kelang.

V) Masalah Kajian

Dalam menjalankan kajian penulis tidak dapat lari dari beberapa masalah. Salah satu daripadanya ialah masalah bahasa untuk buku-buku rujukan dan masalah diri penulis sendiri tentang pengetahuan dalam agama Islam. Mengenai masalah bahasa, kebanyakan buku rujukan mengenai bidang kajian ini adalah dalam bahasa Arab dan terjemahannya ke dalam bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia amat berkurangan sekali. Ini merupakan satu masalah kepada diri penulis

9

Daerah Sabak Bernam ditadbir oleh dua buah Jabatan Agama Islam memandangkan luas kawasan daerah ini besar dan ramai bilangan penduduk. Di bahagian utara ditadbir oleh Jabatan Agama Islam Sabak Bernam dan di bahagian selatan oleh Jabatan Agama Islam Sungai Besar.

kerana penulis tidak mempunyai apa-apa pengetahuan dalam bahasa Arab, apa lagi untuk memahami buku-buku yang ditulis dalam bahasa Arab itu. Di samping itu masalah lain yang penulis hadapi ialah masalah diri penulis sendiri di mana penulis tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai selok belok Agama Islam terutama dalam masalah hukum.

Masalah lain yang penulis hadapi ialah mengenai bahan-bahan terdahulu berkenaan topik kajian ini masih belum pernah dilakukan. Jadi penulis yang merupakan perintis kepada bidang kajian ini sudah tentu menghadapi banyak masalah kerana tiada satu bahan terdahulu yang boleh dijadikan sebagai panduan kepada kajian ini.

Dari segi sejarah pula jika kita lihat masalah mengenai bidang kajian ini adalah kurang mendapat perhatian. Adalah amat berkurangan kajian seperti ini yang dilakukan oleh para pelajar mahupun para cerdik pandai di negara ini. Kebanyakan di antara mereka lebih cenderung untuk melakukan kajian-kajian bercorak sosio-ekonomi seperti masalah pembangunan, kemiskinan, perbandaran, pertanian dan lain-lain. Oleh kerana bidang ini kurang mendapat perhatian, maka kajian-kajian yang dilakukan juga berkurangan. Ini menyebabkan penulis sukar untuk mendapatkan bahan-bahan terdahulu untuk dijadikan sebagai panduan dan rujukan.

Selain daripada itu masalah yang dihadapi berkaitan dengan masalah disiplin ilmu ini. Dalam Jabatan Antropologi dan

Sosiologi amat berkurangan sekali disiplin tentang ilmu ini diajarkan sebagai satu matapelajaran. Dalam jabatan ini, hanya terdapat satu kursus yang agak berkaitan sedikit dengan bidang ini iaitu kursus "Sosiologi dari Perspektif Islam.¹⁰" Oleh itu memandangkan kursus untuk disiplin. Ilmu ini tidak diajar dalam jabatan, adalah agak sukar bagi penulis menjalankan kajian.

Dalam kajian luar pula penulis telah mengalami berbagai masalah dalam usaha untuk mengumpul maklumat dan data. Pertamanya dalam mendapatkan responden yang terdiri dari mereka yang sudah bercerai, kerana kajian dilakukan di daerah yang luas dan kerana kes-kes perceraian tidak tertumpu di satu-satu kawasan maka untuk menemui mereka adalah sukar. Dalam hal ini penulis terpaksa pergi ke rumah mereka berpandukan dari alamat yang didapati di Jabatan Agama Islam daerah. Tetapi apa yang menjadi masalah ialah kebanyakan dari mereka tidak lagi tinggal di alamat asal setelah mereka bercerai. Oleh yang demikian penulis hanya dapat bertemu dengan 5 orang responden yang pernah bercerai.

Dari kerjasama para responden pula, penulis menghadapi masalah kerana responden enggan memberi keterangan yang sebenarnya mengenai masalah yang mereka hadapi kerana ia adalah satu perkara yang sensitif untuk di bicarakan. Pada mulanya mereka agak malu

10

Kursus Sosiologi dari Parspektif Islam, diajar oleh Drs. Ahmad Kamar Abdul Rahman dari Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya.

dan keberatan untuk memberi maklumat tetapi setelah diterangkan keadaan sebenar bahawa penulis hanya sekadar menjalankan kajian barulah mereka mahu bekerjasama. Kerana bilangan responden yang ditemuramah tidak mencukupi untuk dibuat pehaganalisaan, penulis terpaksa bergantung kepada maklumat dan data-data yang diperolehi di Jabatan Agama Islam. Manakala di jabatan sekali lagi penulis menghadapi masalah kerana keterangan yang dicatatkan tidak mencukupi seperti dalam kebanyakan kes, tidak mencatatkan dengan teliti apakah faktor yang menyebabkan perceraian. Kebanyakannya hanya mencatatkan masalah tiada persefahaman sahaja. Begitu juga penulis menghadapi kesukaran dalam membaca maklumat yang di tulis oleh Kadhi kerana tulisan tangan dalam huruf jawi amat sukar untuk dibaca.

Akhir sekali penulis menghadapi masalah kewangan untuk menjalankan kajian kerana penulis tidak mendapat bantuan dari manapun pihak. Oleh itu kajian tidak dapat dilakukan sebaiknya kerana dalam masa yang sama penulis terpaksa bekerja untuk mendapatkan sumber kewangan.

BAB II

KELUARGA IDEAL MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Keluarga adalah merupakan asas dalam kehidupan manusia dan masyarakat. Kestabilan masyarakat bergantung kepada sejauhmana keluarga yang menganggotainya kukuh. Diibaratkan sebagai sebuah bangunan akan menjadi kukuh dan kuat bila bahan-bahan binaanya terdiri dari bahan-bahan yang bermutu tinggi. Justeru itu Islam menekankan tentang aspek hidup berkeluarga. Istilah keluarga di sini bermaksud keluarga asas atau "nuklear family" iaitu merujuk kepada penyatuan antara suami isteri dan anak-anak yang sah menurut pandangan Islam.

Memandangkan hidup berkeluarga adalah merupakan asas dalam kehidupan manusia sehari-hari, maka adalah amat penting keluarga yang dibina itu hidup dalam keadaan aman, bahagia serta sejahtera. Islam sebagai agama yang merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia telah menggariskan peraturan, saranan serta panduan yang lengkap agar setiap umatnya dapat membentuk sebuah rumah tangga yang dicita-citakan. Sesungguhnya jika setiap individu itu mematuhi apa yang telah dianjurkan oleh Islam nescaya ia akan berjaya membina sebuah keluarga yang dapat mencapai matlamat sebenar baik di dunia maupun di akhirat. Sememangnya sudah tidak dapat disangkal lagi bahawa Allah itu adalah perancang yang maha bijaksana. Di samping itu Rasulullah S.A.W. yang menjadi pesuruhnya adalah

insan suci dan luhur yang mana segala geraklaku dan perbuatannya harus di tauladani oleh umat selepasnya.

Kesempurnaan sesebuah keluarga adalah tidak hanya bergantung kepada undang-undang yang mengawalnya. Apa yang lebih penting ialah hati atau kualiti seseorang individu.¹ Kalau seseorang itu mempunyai keimanan yang sepenuhnya kepada Al-Quran dan Al-Hadith mescaya ia akan dapat mengawal kehidupannya. Islam memberi umatnya kebebasan berfikir dan kalau ada bahawa sebarang paksaan yang jika berlaku sudah pasti tidak akan mendapat apa-apa kejayaan mahupun menghasilkan satu suasana bahagia dalam rumah tangga.²

Pembentukan keluarga yang bahagia dan sempurna adalah terletak pada kesedaran agama dan iman yang kukuh pasangan berkenaan. Oleh itu di samping melalui peraturan atau proses perkahwinan yang lengkap. Islam juga memberi tunjuk ajar kepada mutu hidup yang baik untuk mencapai dan memperolehi keluarga yang baik dan bahagia di mana keutamaan harus diberikan kepada dasar pemilihan pasangan hidup. Dalam soal pemilihan jodoh bagi pasangan hidup sebaik-baik pemilihan jodoh biarlah mendapat restu kedua-dua

¹ Ceramah Ustaz Ismail Kamus bertajuk, Kemajuan Kerohanian Jaminan untuk Kebahagian Keluarga., pada 3 September 1984, jam 9.30 malam bertempat di DK3 Fakulti Sains Universiti Malaya.

² Lihat rencana Fadlullah Abdullah, Perkahwinan bahagia boleh membentuk perdamaian keluarga; Berita Minggu 12 Ogos 1984.

ibubapa dan keluarga; kerana keredaan ibubapa bererti keredaan Allah dan kemarahan mereka bererti kemarahan Allah s.w.t.³ Semoga mereka yang berjaya mendirikan rumah tangga dengan restu dan keredaan ibubapa dan keluarga akan memperolehi kebahagian di kemudian hari.

Di samping itu Islam juga telah menyenaraikan beberapa kriteria tertentu tentang bagaimana seseorang individu itu dapat memilih isteri yang baik. Ini adalah penting kerana ikatan perkahwinan itu adalah ikatan yang amat kukuh yang diharapkan akan berkekalan sampai ke akhir hayat. Justeru itu persefahaman dan persesuaian kedua pasangan amatlah penting untuk menjamin kebahagian hidup rumah tangga mereka selanjutnya. Dalam pemilihan jodoh kecantikan dan kekayaan bukanlah menjadi ukuran utama. Apa yang lebih penting daripada itu ialah keimanan dan asas agama yang kuat. Rasulullah S.A.W. dalam soal ini pernah bersabda bermaksud;

"Perempuan itu dinikahi kerana empat perkara, kerana hartanya, kerana keturunan yang mulia, kerana kecantikan dan kerana agamanya. Maka carilah perempuan yang beragama; jika tidak nescaya engkau fakir yakni menjadi kecewa dan malarat."⁴

(Riwayat Bukhari, Muslim, Abu Daud, Tarmidzi dan Nasai daripada Abu Hurairah)

³ Ibid

⁴ Haji Sanusi b. Hj Mahmood, Undang-undang Keluarga Islam Syarikat Dian Sendiri Berhad, 1978, hal 10.

Jikalau kecantikan dan harta wang menjadi ukuran utama, nescaya rumahtangga yang dibina tidak akan berkekalan kerana kecantikan dan harta itu akan pupus ditelan masa. Tetapi dengan adanya pengetahuan dan pegangan agama yang kukuh nescaya rumahtangga yang dibina akan mencapai matlamat hidup berkeluarga yang sebenar.

Sabda Rasulullah S.A.W. bermaksud;

"Jangan kerana kahwini dengan perempuan-perempuan kerana kecantikan, sebab kecantikannya itu boleh menjadi pembawa kerosakan kepada mereka sendiri dan janganlah kamu kahwini mereka kerana mengharapkan harta mereka, boleh jadi harta itu akan menyebabkan mereka sompong, tetapi kahwinilah mereka atas dasar agamanya dan sesungguhnya hamba sahaja yang utama itu lebih baik asalkan ia beragama."⁵

(Riwayat Ibn Majah dan Baihaqi daripada Ibni Amr)

Justeru itu sebelum seseorang itu ingin mendirikan rumah-tangga, buatlah penilaian yang teliti dan bukan atas dasar lahiriah sahaja. Apa yang lebih penting daripada itu ialah soal batiniah seperti hati budi, tingkah laku, kesopanan dan lain-lain sifat terpuji.

Setelah rumahtangga yang dibina atas dasar-dasar yang dianjurkan oleh Islam maka bermulah kehidupan seseorang itu sebagai

⁵ Ibid. Hal 10.

seorang suami dan isteri yang mempunyai berbagai tanggungjawab dan kewajipan masing-masing. Di sinilah ketinggian kualiti peribadi penting untuk menjamin kehidupan yang sejahtera kerana tujuan perkahwinan itu adalah untuk kesejahteraan dan keterangan jiwa.

Firman Allah s.w.t. bermaksud;

"Dan di antara keterangannya juga, bahawa dia menjadikan isteri bagimu, supaya kamu diam bersama-sama dengan tenteram, serta berkasih sayang dan cinta mencintai."

(AR - Rum: 21)

Oleh itu untuk membentuk sebuah keluarga yang aman damai dan tenteram apa yang terpenting ialah sikap anggota dalam keluarga memainkan peranan mereka masing-masing seperti yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka. Seorang penulis berpendapat;

"The institution of the family provides its members with a sense of belonging, interdependence and being wanted."⁶

Keluarga itu diikat dengan adanya hak dan kewajipan bersama. Semuanya diatur oleh agama dengan suatu hukum yang harus dikerjakan oleh seluruh anggota keluarga.⁷ Sebuah keluarga yang

⁶ Muhamad Abdul Rauf, The Islamic view of Women and The Family, Robert Speller & Sons, Publisher Inc, New York, 1977, hal 73.

⁷ Dr. Hammudah Abdalati, Islam Dalam Sorotan, Pustaka Nasional. PTE LTP Singapore, 1982, hal 141.

merupakan satu unit sosial bolehlah dibuat perbandingan sebagai organism⁹ biologi seperti unsur-unsur yang terdapat dalam tubuh seorang manusia. Setiap unsur seperti jantung, paru-paru, usus, saluran darah dan lain-lain adalah berhubung rapat, berfungsi dan saling bergantungan di antara satu sama lain. Jika salah satu dari unsur itu tidak memainkan perananya maka berlakulah "instability" dalam tubuh manusia. Begitu juga dalam sebuah institusi keluarga; Setiap individu, suami, isteri dan anak-anak adalah saling memerlukan, saling bergantungan, mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing.

Abdul A'la Maududi, pemimpin dan pengarang Pakistan berpendapat bahawa;

"its (shariah) assign to man the responsibility of earning and providing the necessities of his wife and children and to protect them from all the vices of life. To woman it assign the duty of managing the house hold, training and bringing up the children in the best possible way and of providing to her husband and children the greatest possible comfort and contentment. The duty of children is to respect and obey their parents and when they are grown up, to serve and provide for their need."⁸

⁸ Abdul Rauf A'la Maududi, Towards Understanding Islam, Lahore, 1966, hal 164.

Harus juga diingat bahawa dalam melaksanakan tanggung-jawab dan hak kewajipan masing-masing perlulah ada sifat tolak ansur, ikhlas, sabar, bersopan santun dan saling mengerti supaya tanggungjawab itu dapat dilaksanakan dengan sempurna. Sesuatu tanggungjawab itu tidak akan sempurna kalau ia dilaksanakan secara paksaan tanpa disertai oleh keikhlasan hati dan keimanan sepenuhnya kepada Allah dan Rasulnya. Di samping itu sifat sabar dan saling bantu membantu adalah penting untuk kesejahteraan rumahtangga. Seorang suami umpamanya tidak harus menggunakan kuasa yang ada padanya tanpa disertai dengan sikap toleransi saling bantu membantu dan berdiplomasi terhadap keluarganya. Begitu juga seorang isteri tidak seharusnya pula menuntut hak yang tidak dapat ditunaikan oleh suaminya seperti kemewahan hidup dan sebagainya. Semua itu adalah bergantung kepada kemampuan pihak suami masing-masing. Seorang penulis berpendapat bahawa;

"This does not however mean that man should be a dictator over women in his house, for the leadership entails obligations and duties which can be discharged. Only through mutual consultation and cooperation. Success in management means a reap society of understanding and perpetual sympathy Islam insist that love and mutual understanding and perpetual sympathy rather than conflict and competition should form the basis of family age."⁹

⁹ Muhamad Qutb, Islam The Misunderstood Religion, Published by Ministry of Awqaf Islamic Affair State Kuwait, 1967 hal 202.

Dalam hal ini peribadi Nabi Muhamad S.A.W. dan keluarganya adalah merupakan contoh terbaik yang patut kita ikuti. Nabi Muhamad S.A.W. adalah seorang suami yang penyayang, penyabar dan suka membantu kerja-kerja dalam rumah tangganya. Dalam hal ini Nabi Muhamad S.A.W. bersabda bermaksud;

"Orang-orang yang terbaik dari kamu sekalian ialah mereka yang lebih baik dari kamu dalam mempergauli keluarganya, dan aku adalah orang yang terbaik dari kamu sekalian dalam mempergauli keluargaku."¹⁰

Walau pun biasanya kerja-kerja rumah itu bukanlah tugas seorang suami tetapi tidak ada salahnya kalau seorang suami itu menolong isterinya melakukan kerja-kerja mengurus rumah tangga. Semoga dengan itu maka lebih mesralah hubungan antara mereka berdua. Di samping itu sifat penyabar adalah sifat utama untuk menjamin kesejahteraan sesebuah rumah tangga. Bila berlaku sebarang kesilapan oleh satu pihak, dipihak yang lain janganlah lekas marah dan hendaklah bersabar dan menasihati dengan cara yang lebih berdiplomasi dan bertolak ansur. Semoga dengan itu segala kekecohan yang berlaku dan sebuah rumah tangga dapat diselesaikan dengan aman.

¹⁰ K H Muhamad Nawawi Banten, Suami Isteri yang sholeh, terjemahan Pustaka HHP Kelang Selangor, 1984, 4 edition, hal 4.

Sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud;

"Barangsiapa bersabar terhadap buruk akhlak isterinya nescaya ia dianugerahkan oleh Allah pahala, seperti yang dianugerahiNya kepada Ayyub terhadap percubaan yang di perolehnya. Dan barangsiapa bersabar terhadap buruk akhlak suaminya, nescaya ia dianugerahi oleh Allah seperti pahala yang diperolehi Asiah isteri Firaun."¹¹

Di samping itu bila terdapat keadaan di mana ada perkhabaran atau aduan orang tentang keburukan pihak suami atau isteri maka hendaklah pihak-pihak tertentu bersabar dan menyiasat terlebih dahulu perkara itu dengan lebih teliti. Tindakan yang diambil janganlah terburu nafsu. Kerana ia akan mengakibatkan penyesalan kelak kerana ada kalanya perkhabaran itu hanya fitnah semata-mata untuk menghancurkan keharmonian rumah tangga yang mereka bina.

Dalam usaha membina rumah tangga yang aman dan bahagia, perasaan kasih sayang, ikatan kemesraan yang kukuh dan saling cinta-mencintai antara satu sama lain perlu ada. Dengan itu barulah tercapai matlamat hidup berumah tangga yang melupakan surga bagi kehidupan didunia. Allah tidak melarang umatnya bergaul se-

¹¹ Imam Al Ghazali, Ihya Umuluddin, Jid 2, Pustaka Nasional PTE Ltd, S'pore, hal 413.

secara lebih mesra dan bergurau senda di antara satu sama lain. Untuk menjadi contoh bagi umat Islam melihat bagaimana Rasulullah S.A.W. sendiri sering bergurau senda dengan isterinya Aisyah, di mana pernah di satu ketika baginda berlumba lari dengannya. Maka pada suatu hari Aisyah mendahului Nabi S.A.W. dan pada sebahagian hari-hari yang lain, Nabi S.A.W. mendahului Aisyah r.a; lalu Nabi S.A.W. bersabda; "Inilah balas dengan yang dahulu itu."¹² Sesungguhnya sifat penyayang, lemah lembut dan berbudi pekerti mulia dalam mempengaungi keluarga adalah sifat puji yang amat digalakkan dalam Islam di mana Nabi S.A.W. bersabda lagi bermaksud;

"Sesungguhnya yang termasuk golongan mukmin yang paling sempurna imannya ialah mereka yang baik budi pekerti dan mereka yang lebih halus dalam mempergauli keluarganya (isteri anak-anak dan para kerabatnya)."¹³

Dari Hadith di atas jelas menunjukkan bahawa dalam mempergauli keluarga kehalusan budi bahasa, ikatan kemesraan yang intim, adalah satu faktor yang menjamin kebahagian hidup berumahtangga.

1) PERANAN SUAMI; Hak Isteri Dan Anak-anak

Pihak suami adalah memagang tanggungjawab yang amat besar dalam sesebuah rumah tangga dan ia adalah merupakan amanah

¹² Ibid, hal 414

¹³ K.H Muhamad Nawawi Banten, op cit hal 4.

Allah yang wajib ditunaikan. Peranan utama suami adalah sebagai pemimpin dan pelindung terhadap keluarganya. Dalam Islam, suami adalah dianggap sebagai ketua dalam keluarga kerana kelebihan-kelebihan yang terdapat padanya seperti tenaga dan kekuatan mental berbanding dengan kaum perempuan. Firman Allah S.W.T. bermaksud;

"Kaum lelaki adalah pemimpin bagi kaum wanita oleh kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (lelaki) ke atas sebahagian yang lain".

(Sural Annisa: 34)

Firman Allah ini telah diperjelaskan lagi oleh hadith Nabi S.A.W. yang bermaksud;

"Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap pemimpin akan bertanggungjawab terhadap pimpinannya. Imam adalah seorang pemimpin dan akan ditanya tentang pimpinannya. Lelaki adalah pemimpin dari keluarganya dan akan ditanya tentang pimpinannya. Perempuan adalah pemimpin rumah tangga suaminya dan akan ditanya tentang pimpinannya".¹⁴

(Riwayat Bukhari)

Apa yang dimaksudkan sebagai pemimpin di sini ialah memimpin ahli keluarganya ke jalan yang benar seperti yang di-

¹⁴ Abdullah Siddik S.H., Hukum Perkahwinan Dalam Islam, Penerbitan Tintamas Jakarta, 1968, hal 60.

anjurkan oleh Al Quran dan Hadith. Dalam hal ini pihak suami adalah wajib menyuruh ahli keluarganya melakukan apa yang disuruh oleh Allah dan menjauhi apa yang dilarang. Firman Allah S.W.T. bermaksud;

"Hai orang-orang yang beriman!, Jagalah dirimu dan para keluarga mu dari api neraka".

(Surah Al Tahirim: 6)

Pihak suami adalah wajib menyuruh isteri dan anak-anak bersembahyang dan melakukan kewajipan-kewajipan yang telah difardukan oleh Allah S.W.T. terhadap hamba-hambanya. Sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud;

"Takutlah kepada Allah di dalam memimpin isteri-isteri mu kerana sesungguhnya mereka adalah amanat Allah yang berada disampingmu, barang siapa tidak memerintahkan sholat kepada isterinya dan tidak mengajar agama kepadanya, maka ia telah berkhaniat kepada Allah dan Rasulnya,"¹⁵

Diluaran menyuruh ahli keluarga melakukan kewajipan terhadap Allah, pihak suami juga wajib mengajarkan kepada mereka ilmu agama atau memberi kebebasan kepadanya untuk belajar ilmu

¹⁵ K.H. Mohamad Nawawi Banten, op cit, hal 7

¹⁶ K.H. Mohamad Nawawi Banten, op cit, hal 8.

¹⁷ Ibid, hal 7

yang berguna dan bermanafaat bagi dirinya. Keluarga, nusa dan bangsa. Kerana bagaimana isteri dapat memainkan tanggungjawab kalau ia masih lagi fakil.¹⁶

Sabda Rasulullah S.A.W. bermaksud;

"Ketahuilah bahawa dianjurkan bagi seorang suami memerintahkan isterinya (dan mengingatkannya dengan memerintahkan isterinya (dan mengingatkannya dengan nada yang halus) dan menafkahinya menurut kadar kemampuannya dan berlaku tabah (jika disakiti oleh isterinya) dan bersikap halus kepadanya dan mengarahkannya ke jalan yang baik dan mengajarnya akan hukum-hukum agama yang perlu diketahui olehnya iaitu hukum sesuci, haid dan ibadah-ibadah,"¹⁷

Sesungguhnya kewajipan memberi pelajaran dan memerintahkan ahli keluarga mengerjakan suruhan tuhan adalah tanggungjawab yang amat penting dan pihak suami tidak boleh lari dan melakukannya. Adalah menjadi dosa yang amat besar jika ia diabaikan seperti yang diceritakan oleh Nabi S.A.W. bahawa beliau bersabda;

"Tidak ada seseorang yang menjumpai Allah S.A.T. dengan membawa dosa yang lebih besar daripada seorang suami yang masa bodoh terhadap keluarga."¹⁸

¹⁷ K.H. Mohamad Nawawi Bante, op cit, hal 6.

¹⁸ Ibid, hal 7

Dalam samping memberi pelajaran dan memerintah ahli keluarga melakukan suruhan tuhan dan menegah apa yang dilarang, suami juga bertanggungjawab dalam soal memberi nafkah zahir dan batin serta memberi perlindungan terhadap ahli keluarganya dari segala masa bahaya. Dalam hal ini Nabi S.A.W. bersabda bermaksud;

"Kewajipan seorang suami terhadap isterinya ialah harus memberi makan kepadanya jika ia makan dan memberi pakaian kepadanya jika ia berpakaian dan tidak boleh memukul mukanya dan tidak boleh memperolok-clokkan dia dan juga tidak boleh menanggalkannya kecuali dalam tempat tidur (ketika isteri membangkang)".¹⁹

Haruslah difahami bahawa suami tidaklah dipaksa memberi kemewahan yang berlebihan, tetapi cukup sekadar nafkah yang diberi itu berpatutan dengan kemampuan suami. Di samping itu perlunya pihak suami memelihara ahli keluarganya supaya sentiasa dalam keadaan baik seperti perkara-perkara yang bersangkutan dengan kesihatan, keselamatan dan lain-lain. Seorang penulis berpendapat bahawa;

"Every husband shall be answerable to Allah a regard to the will being, physical and mental health, happy and recreation of his wife."²⁰

¹⁹ Ibid, hal 3

²⁰ Tahir Mahmood, Family Planning, Muslim View Point, Vikas Publishing PVT Ltd, 1977, hal 21.

Selain dari nafkah zahir, suami juga wajib memberi nafkah batin kepada ahli keluarganya. Ini bukan sahaja bermakna memenuhi kepuasan sex kepada isteri tetapi jauh daripada itu ialah memberi kasih sayang, cinta dan simpati kepada ahli keluarganya. Dengan adanya ikatan kasih sayang, cinta mencintai, kemesraan dan perasaan simpati ini sesungguhnya adalah lebih penting untuk menjamin kesajahteraan rumahtangga daripada kemewahan kebendaan.

Akhir sekali apa yang terpenting dalam melaksanakan tanggungjawab itu ialah ia timbul dari perasaan hati yang ikhlas dan bukan atas dasar paksaan dari mana-mana pihak. Disamping itu apa juga tanggungjawab yang dilaksanakan adalah lahir dari rasa kesedaran bahawa ia adalah merupakan amanat Allah yang dipertanggungjawabkan kepadanya yang sepatutnya ditunaikan dengan ikhlas dan adil.

II) PERANAN ISTERI; Hak Suami dan Anak-anak

Sesungguhnya isteri adalah bersama-sama memainkan peranan dalam memelihara kesajahteraan rumahtangga. Firman Allah S.W.T. bermaksud;

"Dan para wanita mempunyai hak yang seimbang dengan kewajipannya menurut cara yang maaf akan tetapi suami mempunyai satu tingkat kelebihan atas isterinya."

Dalam ayat di atas menyebutkan bahawa hak dan tanggung-jawab antara suami dan isteri adalah sama cuma lelaki tingkatkan satu kelebihan iaitu sebagai pemimpin dalam keluarga.

Kewajipan utama seorang isteri adalah menjadi pasangan (partner) suami dalam ikatan pernikahan. Pasangan harus membantu terciptanya kehidupan keluarga yang berhasil dan bahagia.²¹ Isteri harus menjaga diri agar tetap menyenangkan di mata suami serta taat segala yang diperintahkan kepadanya. Betapa besarnya tanggung-jawab seorang isteri mentaati suami dapat digambarkan oleh hadith Rasulullah S.A.W. bermaksud;

"Sekiranya alam diperintah sujud terhadap selain Allah, akan saya perintahkan agar wanita sujud terhadap suaminya. Demi tuhan yang memegang jiwa Muhamad dengan tangannya tidak dianggap seorang wanita menunaikan hak Tuhan, sebelum ia menunaikan hak suaminya. Bila suaminya menghajatkan diri (isterinya) dikala ia (isterinya) berada atas qatab (tempat duduk belakang unta) ia tidak boleh menolak."²²

²¹ Dr. Hammudiah Abdalati, op cit, hal 147.

²² Syaikh Abdul Hamid Al Khatib, Ketiggian Pusalah Nabi Muhamad, Bulan Bintang Jakarta, 1977, hal 686.

Sebagai seorang isteri yang taat haruslah sentiasa menjaga kesucian diri dan meminta izin terlebih dahulu jika hendak keluar rumah walau pun untuk ke rumah ibubapanya sendiri. Sesungguhnya isteri itu adalah hak seorang suami dalam segala hal lebih-lebih lagi sesuatu yang menjadi hak ekslusif suami seperti hubungan sexual.²³ Ini adalah kerana pihak suami mengambil isteri itu sebagai amanat Allah yang dipertanggungjawabkan kepada mereka nafkah zahir dan batin dan seharusnya pihak isteri taat patuh dan bersyukur di atas apa yang telah diberi oleh suami terhadap isteri. Sabda Rasulullah bermaksud;

"Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada seorang isteri yang tidak bersyukur kepada suami."²⁴

Sebagai pasangan terdekat, isteri haruslah sentiasa menggembirakan hati suami dengan berlemah-lembut bersopan santun dan beramah mesra ketika berada disampingnya. Disamping itu ketika berada di rumah pihak isteri juga dianjurkan supaya berhias dan menjaga kebersihan diri supaya suami senang melihatnya. Tetapi apa yang berlaku sekarang, kebanyakan isteri tidak memelihara kecantikannya ketika berada di rumah tetapi berhias ketika hendak

²³ Dr. Hammudiah Abdalati, op cit, hal 148.

²⁴ K.H. Muhamad Nawawi Banten, op cit, hal 115.

keluar rumah. Sesungguhnya perbuatan seperti ini amat bertentangan dengan Islam. Kecantikan seorang isteri itu bukan untuk tatapan umum tetapi hanya untuk suami semata-mata. Banyak terdapat hadith-hadith yang menerangkan supaya isteri sentiasa menggembirakan hati suami seperti sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud;

"Siapa sahaja seorang isteri bermuka muram di muka suaminya, maka ia dalam kemurkaan Allah hingga ia dapat membuat suasana yang riang gembira kepada suaminya dan memohon kerelaan."²⁵

"Siapa sahaja isteri yang meninggal dunia sedang suaminya rela terhadap kepergiannya, maka ia akan masuk surga."²⁶

Sememangnya adalah wajar seorang isteri menghormati dan menggembirakan hati suami kerana kalau kita fikirkan sejenak pihak suami bekerja bertungkus lumus tanpa mengira penat dan lelah semata-mata untuk memberi kebahagian kepada keluarganya. Jadi adalah amat wajar sepulangnya suami dari bekerja disambut pula oleh isteri dengan senyum dan senang hati semoga dengan itu akan hilanglah keletihannya bekerja sepanjang hari. Semoga dengan ini akan menjamin kesejahteraan rumahtangga untuk masa-masa selanjutnya.

²⁵ Ibid, hal, 13

²⁶ Ibid, hal, 9

Di samping taatkan suaminya dan melakukan kerja-kerja dalam sebuah rumah tangga, satu lagi peranan penting seorang isteri ialah mendidik, mengasuh dan memelihara anak-anak, menjaga kesihatan dan kebersihan mereka, memperbaiki budi pekerti dan lebih-lebih lagi iqtikad dan kepercayaan mereka.²⁷ Ini adalah penting kerana sebuah rumah tangga merupakan institusi yang terawal terhadap proses sosialisasi anak-anak dan isteri (ibu) adalah orang yang paling layak dalam mendidik anak-anak. Sesungguhnya anak yang dilahirkan itu adalah ibarat sehelai kain putih yang suci dan bersih dan ter-pulanglah kepada ibubapa untuk mencorakkannya samada ia akan menjadi baik atau sebaliknya.

III) PERANAN ANAK-ANAK; Hak Ibubapa

Di samping suami dan isteri, anak-anak juga memainkan peranan mereka dalam membentuk sebuah keluarga yang bahagia. Haruslah dengar bahawa anak-anak adalah sebagai kurniaan Allah yang tidak ternilai harganya dan ia adalah sebagai penggerat hubungan antara suami isteri kerana tiada ertinya sebuah rumah tangga tanpa dihadiri oleh anak-anak. Akan tetapi tiada ertinya pula kalau kehadiran anak-anak itu hanya akan menambah kekeruhan dalam sebuah rumah tangga. Oleh itu sebagai seorang anak terutamanya mereka

²⁷ Syaikh Abdul Hamid Al Khattab, op cit, hal 702

²⁸ Dr. Samsuddin Abualali, op cit, hal 251.

²⁹ Ibid., hal 151.

yang sudah berakal haruslah mentaati dan menghormati kedua ibubapa mereka serta melakukan apa yang disuruh dan meninggalkan apa yang dilarang. Adalah menjadi dasa besar jika terdapat anak-anak yang menderhaka kepada kedua ibubapanya. Begitu juga anak-anak adalah sebagai pemelihara kepada kedua ibubapa mereka bila keduanya sudah uzur kerana sudah tiba masanya si anak membalas jasa ibubapa yang telah membesarkan mereka.

Dari aspek yang lain pula tidak ada salahnya seorang anak itu menegur akan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh orang tuanya, asal sahaja teguran itu adalah dengan cara lembut dan berbudi bahasa. Kenyataan ini adalah kerana meskipun orang tua itu jauh lebih tua dan secara umum dikatakan lebih berpengalaman, namun tidak dengan sendirinya sebelum benar, baik pendapat maupun sikap.²⁸ Sebaliknya usia muda itu adalah sumber tenaga, sumber idealisma dan sumber kebijaksanaan.²⁹ Dalam Al-Quran Allah S.W.T. berfirman bermaksud;

"Wahai bapaku, sesungguhnya telah datang kepada ku sebahagian ilmu pengetahuan yang tidak datang kepadamu, maka ikutilah ku, nescaya aku akan menunjukkan kepadamu jalan yang lurus."

(Surah Maryam : 43)

²⁸ Dr. Hammudiah Abdalati, op cit, hal 151.

²⁹ Ibid, hal 151.

Semoga dengan adanya sikap saling menasihat-menasihati dan saling mengingat nescaya keharmonian keluarga itu akan berkekalan buat masa-masa seterusnya.

Untuk dan gelak keluargan mereka tidaklah putus walaupun pun

IV) Aspek Lain Dalam Kehidupan Keluarga

orang tua yang buang pengalaman tentang kehidupan berumah tangga.

Aspek lain yang masih berkaitan dengan kehidupan berboleh asheri nasihat dan tuntuk ajur sepanjang anaknya ada di sebuah keluarga adalah memelihara hubungan baik dengan pembantu rumah (jika mempunyai pembantu)s semua anggota keluarga dan jiran tetangga.

Bagi lagi aspek yang tidak kira pengaruhnya dalam kehidupan berkeluarga ialah menghorsti dan menjalin hubungan serta

dalam sebuah keluarga dan ia bolehlah dianggap sebagai ahli dalam antara jiran tetangga. Dalam Islam, status tetangga begitu tinggi sesebuah keluarga. Sebagai contoh, Rasulullah menganggap pembantu rumah tangga sebagai saudara dan bukan budak suruhan.³⁰ Berkaitan dengan perkara ini Rasulullah pernah bersabda bermaksud;

"Tidaklah benar-benar beriman kepada Allah

"Siapa yang melakukan pembantunya dengan baik, nanti akan meninggal dunia dengan senang dan penuh nikmat."³¹

Seorang pembantu rumah berhak menerima apa yang patut

seperti keadilan, kebaikan, makanan, pakaian, tempat tinggal, pembayaran serta lain-lain. Seorang pembantu rumah tidaklah boleh diperlakukan sesuka hati kerana mereka juga adalah manusia biasa yang sama darjatnya dengan manusia lain.

³⁰ Ibid, hal 151.

³¹ Ibid, hal 152.

Di samping itu berbuat baik dengan anggota keluarga dan kaum kerabat juga adalah penting untuk membina sebuah rumahtangga yang kukuh. Ini terutamanya kepada kedua ibubapa masing-masing. Ikatan dan jalinan kekeluargaan mereka tidaklah putus walau pun mereka sudah mendirikan rumahtangga mereka sendiri. Mereka sebagai orang tua yang banyak pengalaman tentang kehidupan berumahtangga, boleh memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada anaknya dalam usaha membina sebuah rumahtangga baru yang teguh dan sejahtera.

Satu lagi aspek yang tidak kurang pentingnya dalam kehidupan berkeluarga ialah menghormati dan menjalin hubungan mesra antara jiran tetangga. Dalam Islam, status tetangga begitu tinggi. Tetangga bisa menimbulkan kegembiraan yang merupakan rahmat yang amat istimewa dalam Islam. Rasulullah S.A.W. ada bersabda bermaksud;

"Tidaklah benar-benar beriman kepada Allah sampai tetangga merasa aman dari bahaya berasal dari perbuatannya."³²

Dari hadith di atas jelas menunjukkan bahawa sikap saling bantu membantu dan menjalin hubungan mesra dengan jiran tetangga amat dituntut dalam Islam. Contohnya bila berlaku sesuatu kesusahan atau kecelakan menimpa sesebuah keluarga maka adalah menjadi kewajipan jiran tetangga menolongnya. Begitu juga

³² Ibid, hal 153.

jika berlaku perselisihan atau pertengkaran **tidak semestinya** jiran tetangga tidak boleh mengambil tahu masalah keluarga jiranya.

Mereka boleh saling nasihat-menasihat di antara satu sama lain.

Di samping itu janganlah pula hendaknya jiran tetangga itu bersengketa antara satu sama lain dan membuat fitnah yang boleh merobohkan rumahtangga orang lain. Sesungguhnya jika hukum-hukum Al Quran dan hadith itu diikuti sepenuhnya nescaya terbentuklah sebuah keluarga dan masyarakat ideal menurut pandangan Islam.

Kesimpulan

Dari perbincangan panjang lebar jelas menunjukkan bahawa Islam yang berpandukan kepada Al-Quran dan hadith telah merangkan satu garis panduan yang lengkap tentang bagaimana sebuah keluarga itu dapat hidup dengan aman sejahtera dan bahagian. Apa yang terpenting dalam diri setiap individu ialah kualiti peribadi di mana atas kesedaran bahawa tanggungjawab yang dilaksanakan itu atas dasar kesedaran dan keamanan yang kukuh kepada Allah dan Rasulnya. Seterusnya jika tugas-tugas dan tanggungjawab itu dapat dilaksanakan seperti apa yang dianjurkan nescaya keluarga yang dibina akan menepati matlamat utama hidup berkeluarga dalam Islam iaitu aman, bahagia dan sejahtera. Dengan adanya sebuah rumahtangga yang aman barulah dapat menghasilkan anak-anak yang baik dan berguna kepada agama, masyarakat dan negara.

BAB III

HUKUM PERKAHWINAN DALAM ISLAM

1) Definasi Perkahwinan Dari Perspektif Islam

Perkahwinan merupakan sebahagian daripada ajaran penting dalam Islam (termasuk dalam aspek munakahah). Ini adalah kerana tanpa adanya perkahwinan maka tidaklah ujud institusi keluarga yang merupakan asas dalam kehidupan manusia dan masyarakat. Islam sebagai agama yang suci, bersih dan bertamadun tinggi telah mengatur undang-undang dan peraturan yang lengkap dan tersusun rapi mengenai soal perhubungan lelaki dan perempuan dalam keretak perkahwinan. Ini adalah merupakan faktor "central" di mana banyak terdapat ayat Al Quran dan Hadith yang menerangkan hal-hal yang berkaitan dengan ini. Menurut Islam, perkahwinan adalah satu "aqad" yang melahirkan penghalalan serta pemilikan istimewa hak-hak dan tanggungjawab suami isteri secara syarat. Perkahwinan adalah satu peraturan Allah yang diakui baiknya oleh segenap makhluk yang mempunyai kesopanan.¹ Ia merupakan keterikatan (commitment) manusia terhadap dirinya sendiri, terhadap masyarakat, terhadap nilai luhur dan terhadap proses kelasterian hidup manusia.² Di-samping itu ia adalah

¹ Haji Sanusi Haji Mahmood, op cit, hal 6.

² Dr. Hamadiah Abdalati, op cit, hal 143.

merupakan satu keterikatan yang amat kukuh dan diharapkan berkekalan walaupun pada keadaan-keadaan yang tertentu keterikatan itu boleh dibubarkan.

Justeru itu perkahwinan dalam Islam bukanlah satu undang-undang atau adat yang dicipta oleh manusia seperti yang banyak terdapat dalam kebanyakan masyarakat dan agama. Ia adalah merupakan hukum yang mengaitkan perhubungan antara manusia dengan manusia dan manusia dengan Tuhan (Allah). Islam menilai pernikahan adalah sebagai satu keterikatan yang amat serius seperti yang diterangkan dalam sebuah hadith Nabi S.A.W. yang bermaksud;

"Takutlah kepada Allah dalam urusan perempuan

kerana sesungguhpun kamu telah mengambil mereka dengan kepercayaan Allah dan kamu dihalalkan faraj mereka dengan kalimat

Allah."³

(Riwayat oleh Muslim)

Jika kita buat kajian perbandingan ternyata institusi perkahwinan yang dibentuk oleh Islam adalah sebuah institusi yang paling sistematik dan mempunyai nilai peradapan yang tinggi. Sebelum datangnya Islam, iaitu ketika manusia hidup dalam kejahilan, walaupun ada institusi perkahwinan tetapi ia tidak mempunyai nilai

³ Haji Sanusi Haji Mahmood, op cit, hal 15. 1981, hal 31.

⁴ Ibid, hal. 34.

⁵ Ibid, hal. 37 - 38.

peradapan dan tidak dapat memenuhi matlamat perkahwinan sebenar. Wanita seolah-olah dijadikan bahan dagangan dan bahan pemuas nafsu sex semata-mata. Bentuk perkahwinan yang mereka amalkan bukan sahaja bertentangan dengan agama tauhid tetapi juga tidak waras menurut akal fikiran yang rasional. Sebagai contoh terdapat banyak bentuk-bentuk perkahwinan yang diamalkan oleh masyarakat jahiliah seperti nikah "Istibdhā", di mana suami akan menghantar isterinya kepada orang terkemuka dan baik daripadanya supaya dengan per-setubuhan itu bisa mendapat anak lelaki yang sifatnya seperti pembesar tadi.⁴ Terdapat juga nikah "Isytiraak" yang bererti ber-sekutu atau berkongsi. Cara-cara pernikahan ini iaitu beberapa orang lelaki akan bersekutu nikah dengan seorang wanita dan mereka memberikan hak kepada wanita itu untuk menyerahkan anak yang dilahirkan kepada siapa sahaja dari pria yang disukai yang telah bersetubuh dengan dia.⁵ Selain daripada banyak lagi terdapat bentuk-bentuk nikah yang diamalkan oleh orang Jahiliah seperti nikah "Sifat", "Maqt", "Jam", "Mulah", "Badal", "Syighar", "Muhallil" dan nikah "Ittikhadzul akhdan" yang mana semua ini dihapuskan sesudah datangnya Islam.⁶

Jika dibuat perbandingan dengan masyarakat lain di mana nikah merupakan satu perjanjian yang kuat dan berlaku sepanjang hidup, sesudah datangnya Islam, jelas menunjukkan bahawa Islam adalah

⁴ H. Md. Ali Alhamedy, Islam dan Perkahwinan, Penerbitan Al Haramain PTE Ltd, Singapore, 1981, hal 31.

⁵ Ibid, hal. 34

⁶ Ibid, hal. 37 - 56

agama yang berperadapan paling tinggi. Dikalangan orang Malabin di barat daya India, seorang wanita bebas mengambil hingga 12 orang "kekasih" atau suami. Orang-orang ini berhak mengunjungi 'isteri' mereka dan sekiranya seorang lelaki pergi berkunjung dan mendapati tombak atau perisai terletak di luar rumah, maka ia akan balik dan berusaha pergi lagi pada malam esok.⁷ Begitu juga di kalangan masyarakat di Tibet di mana jika seorang perempuan mengahwini seorang lelaki, ini bermakna ia juga mengahwini sekelian ipar-ipar lelakinya.⁸ Sistem poliandri yang diamalkan ini menyebabkan tidak dapat ditentukan siapakah sebenarnya ayah dari seorang anak dan dari sinilah menampakkan bahawa mengapa Islam mengharamkan poliandri.

Islam sebagai agama suci dan berperadapan tinggi di mana Nabi Muhamad S.A.W sebagai pesuruh yang diutus oleh Allah telah memperbetulkan keadaan dengan mengharamkan zina dan tiap-tiap perkahwinan yang menyerupai zina serta mengharamkan perbuatan yang mengikhabarkan perempuan sebagai harta benda yang dimiliki yang boleh dipergunakan sesuka hati. Justeru itu Islam telah menggariskan beberapa peraturan yang harus dipatuhi supaya institusi keluarga yang dibina diterima oleh Allah dan masyarakat umum. Oleh kerana nikah merupakan satu perjanjian yang amat kukuh dan teguh maka ia

⁷ Robin Fox, Kekeluargaan dan Perkahwinan, terjemahan, DBP 1978, hal. 76.

⁸ Drs. Sidi Ghazalba, Diambang Pintu Perkahwinan, Penerbitan Pustaka Antara, 1981, hal. 6.

mesti mematuhi rukun nikah yang telah disyaratkan oleh Islam.

Dalam Islam rukun nikah terbahagi kepada tiga perkara.

- i) Shighah - Ijab dan Qabul - Ijab ialah perkataan yang terkeluar dari pihak wali perempuan atau wakilnya dan Qabul pula ialah dari calon suami kecergasan urang berada di bawah suami isteri mereka mahu mendahului atau wakilnya.
mereka mengesahkan saksi yang akan mengesahkan perhubungan mereka
yang ditulis ijab dan qabul.
- ii) Wali bagi pihak perempuan, Dalil wajib wali seperti Sabda Rasulullah S.A.W.

"Tiada sah nikah melainkan dengan wali".⁹

II) Tujuan Perkahwinan

(Riwayat Tarmidzi)

Islam sebagai agama yang tertua diciptai Allah menganjur-

- iii) Saksi - iaitu dua orang lelaki muslim, baligh, berakal melihat, mendengar dan faham akan maksud nikah yang adil. Dalilnya sabda Rasulullah bermaksud; tujuhan perkahwinan politik dan ekonomi. Kalau tidak ada tujuhan politik dan ekonomi, maka dengan (Riwayat Ahmad)

akan menghalang perkahwinan. Setelah diteliti ternyata bahawa sekiranya merupakan fungsi yang sekunder. Apa yang lebih penting ikatan yang dijalin akan menjadi bertambah kukuh lagi. Setiap rukun itu mempunyai hikmahnya. Dalam Ijab dan Qabul adalah tanda manusia merupakan pola kebudayaan (muzakkir) untuk mengandalkan persetujuan dan keredaan antara kedua belah pihak tentang perbedewasan dan membentuk latarbelakang yang jujur untuk menjaga

⁹ Haji Sanusi Haji Mahmood, op cit, hal. 1.

¹⁰ Ibid, hal. 17.

¹¹ Dr. Ridz Ghazalha, op cit, hal. 5.

kahwinan mereka. Hikmah adanya wali pula ialah supaya perkahwinan itu direstui oleh orang tua isteri dan ini adalah penting untuk menjaga hubungan baik antara anak dan bapa. Mahzab Shafie seperti di Malaysia menekankan kedudukan wali dalam perkahwinan. Di samping itu hikmah saksi pula ialah bila berlaku sebarang tuduhan atau kecurigaan orang terhadap hubungan suami isteri mereka maka mudahlah mereka mengemukakan saksi yang akan mengesahkan perhubungan mereka sah disisi Islam.

II) Tujuan Perkahwinan

Islam sebagai agama yang termulia disisi Allah menganjurkan perkahwinan kerana terdapat banyak hikmah yang diperolehi daripadanya samada yang nyata atau tersembunyi. Menurut Islam, tujuan perkahwinan bukan untuk sex semata-mata, bahkan Islam menilai lebih jauh daripada itu meliputi aspek-aspek sosial, politik dan ekonomi. Kalau kita beranggapan bahawa fungsi perkahwinan hanya untuk sex semata-mata, maka dengan mudah perkahwinan yang dibina akan mengalami kehancuran. Setelah diteliti ternyata bahawa sex hanya merupakan fungsi yang sekundar. Apa yang lebih penting daripada itu ialah fungsi sosialnya. Dari itu perkahwinan umat manusia merupakan pola kebudayaan (muamalah) untuk mengendalikan kedewasaan dan membentuk latarbelakang yang luhur untuk menjaga anak-anak.¹¹

¹¹ Drs. Sidi Ghazalba, op cit, hal 5.

Seorang penulis berpendapat;

"The most important of the restrictive regulation of Islam are those relating to marriage which institution is, in fact the basic principle of human civilization."¹²

Dari hakikat yang sebenarnya jelas menunjukkan bahawa tertubuhnya institusi perkahwinan adalah merupakan asas dalam peradapan manusia. Di sinilah faktor utama yang membezakan manusia dalam ciri-ciri manusia yang sebenar dan manusia yang mempunyai sifat kehawanan. Ini memandangkan jika tiada sebuah institusi yang mengawal perhubungan antara lelaki dan perempuan, nescaya berlakulah keadaan manusia yang berkelakuan seperti binatang. Se-terusnya dengan adanya institusi perkahwinan merupakan satu jalan yang amat mulia untuk mengatur kehidupan rumah tangga dan keturunan disamping merupakan satu jalan menuju pintu perkenalan antara satu kaum dengan kaum yang lain.¹³ Seorang penulis berpendapat;

"The real unit of human civilization is the family and there can be no family if there is no marriage".¹⁴

¹² Mohamad Ali, The Religion of Islam, Printed by Rippon Printing Press, Lahore, 1935, hal 600.

¹³ Abdullah Siddiq, op cit, hal. 9 - 10

¹⁴ Muhamad Imran, Ideal women In Islam, Islamic Publication Ltd. 1979, hal 7.

Hakikat ini menunjukkan betapa pentingnya kehidupan berkeluarga dalam membentuk asas peradapan manusia. Disamping itu juga salah satu faedah yang terbesar dari perkahwinan ialah pembelaan terhadap kaum wanita yang lemah sifatnya. Islam telah menaikkan taraf sosial wanita ke taraf yang lebih tinggi seimbang dengan kaum lelaki. Kalau dahulu wanita hanya dijadikan barang dagangan dan pemuas nafsu sex lelaki sahaja, tetapi Islam telah merubah keadaan itu. Institusi perkahwinan yang dianjurkan oleh Islam menjadikan kaum wanita sebahagian dari anggota masyarakat yang mempunyai pesanan dan hak mereka masing-masing.

Selain daripada itu dengan adanya institusi perkahwinan dapat mengelakkan manusia daripada melakukan perkara-perkara maksiat seperti zina, rogol dan sebagainya. Ini adalah kerana sudah menjadi kehendak alam (Law of nature) bahawa makhluk di dunia ini mempunyai keinginan sex. Sesungguhnya sex adalah sesuatu yang amat sukar dikawal. Seperti kata Fayyadl bin Niyah: "Apabila bangun kemaluan lelaki nescaya hilang 2/3 daripada akalnya. Setengah mereka menyatakan hilanglah $\frac{1}{2}$ agamanya."¹⁵

Dalam sebuah ayat Allah berfirman;

"Dan manusia itu dijadikan bersifat lemah"

(Annisa: 28)

¹⁵ Imam Al Ghazali, op cit, hal 376.

Seterusnya Nabi Muhamad S.A.W. yang telah dijadikan suci dan sebarang dosa pun mengucap dalam doanya;

"Wahai Allah tuhanku', sesungguhnya aku berselindung dengan engkau dari kejahatan pengengaranku, penglihatanku, hatiku dan kejahatan maniku."¹⁶

Justeru itu Islam sebagai agama yang bertamaddun tinggi telah menggariskan peraturan-peraturan yang tertentu tentang bagaimana caranya manusia dapat memenuhi kehendak sex mereka melalui jalan yang diredayai oleh Allah. Islam sebenarnya tidak menghalang umatnya mengecap nikmat yang diberi oleh Allah kepada hambanya asal sahaja ia mengikuti peraturan yang ditentukan. Oleh itu dengan adanya institusi perkahwinan maka dapatlah manusia memenuhi kehendak sex mereka secara halal demi untuk mengelakkan daripada melakukan perkara-perkara maksiat. Nabi Muhamad S.A.W. bersabda

"Maka apabila kamu melihat wanita di mana wanita itu menakjubkan kamu maka hendaklah bincang, tetapi jika dia tidak menarik minatmu jangan datangi isterinya kerana bersama isterinya itu terdapat yang seumpama dengan yang bersama wanita itu."¹⁷

(Dalam Rawikan oleh Muslim dan Al Tarmudzi)

¹⁶ Mohamed Imran, op.cit., hal. 11

¹⁶ Ibid, hal. 376

¹⁷ Ibid, hal. 376

Seperti yang telah diperkatakan, bahawa tujuan perkahwinan itu mempunyai banyak hikmah. Seorang penulis berpendapat:

"Islam does not regard marriage as a union between man and women only of gratification of sexual lust, but a social contract with made and varied responsibilities and duties."¹⁸

Selanjutnya beliau menambah;

"Marriage thus contributes to many sided progress of a man physical, mental, social, moral and spiritual."¹⁹

Dari sini jelas menunjukkan bahawa fungsi institusi perkahwinan amatlah luas di mana ia merangkumi segala aspek dalam kehidupan manusia seperti sosial, fizikal, mental, moral dan spiritual.

Ditinjau dari segi yang lain pula dengan adanya institusi perkahwinan maka dapatlah manusia membiakkan zuriat mereka daripada terputus. Walaupun tanpa institusi yang halal manusia boleh membiak, tetapi generasi yang lahir kelak tidak ketentuan keturunannya. Oleh itu dengan adanya institusi perkahwinan yang sah maka ke-lahiran anak-anak adalah mereka yang sah di sisi Allah dan masyarakat.

¹⁸ Mohamed Hasheruddin Siddiqi, "Women in Islam", Labors 1952

Mohamad Imran, op cit, hal 11

¹⁹ Ibid, hal.11, op cit, hal. 365

²² Ibid, hal. 365.

Menurut pendapat Mazhezuddin Siddiqi;

"A stable family life is necessary not only in the interest of society, not only for the happiness and moral development of the husband and wife, but also for the proper growth and development of future generation."²⁰

Sesungguhnya Islam adalah agama yang menggalakkan pertambahan umatnya. Rasulullah S.A.W. bersabda yang bermaksud;

"Berkahwinlah kamu supaya banyak. Sesungguhnya aku bermegah-megah dengan kamu terhadap umat-umat lain pada hari kiamat sehingga anak keguguran sekalipun."²¹

Selain daripada memanjangkan zuriat itu adalah merupakan sunnah Rasul, sebenarnya dengan adanya anak-anak adalah merupakan rahmat Allah yang tidak ternilai harganya. Imam Al Ghazali berpendapat bahawa dengan adanya anak-anak maka dapat memberi hikmal-hikmal seperti mencari keberkatan dengan doa anak yang soleh se-sudah ia meninggal dunia dan mencari syafaat dengan kematian anak yang masih kecil apabila anak itu meninggal sebelum ia meninggal.²²

20 Mohamed Mazheruddin Siddiqi, "Women in Islam, Lahore 1952 hal. 55.

21 Imam Al Ghazali, op cit, hal. 365

22 Ibid, hal. 365.

Dalam hal ini Islam menyalah setengah-setengah golongan manusia yang takut dengan kelahiran anak akan menyebabkan mereka menjadi papa atau miskin. Justeru itu mereka menggunakan berbagai cara yang dilakukan untuk menyekat kelahiran anak. Sesungguhnya perbuatan itu tidak ubah kejamnya seperti perbuatan orang-orang Jahiliah yang membunuh anak-anak perempuan mereka. Rasulullah S.A.W. pernah bersabda yang bermaksud;

"Barang siapa meninggalkan perkahwinan kerana takut kemiskinan, maka tidaklah ia dari pada umatku."²³

(Di rawikan oleh Abu Mansur Ad Dhalimi dari Abi Saud dengan Sanad yang daif)

Sesungguhnya Allah itu adalah maha kaya dan pemurah. Oleh itu setiap insan yang dilahirkan di dunia ini ada rezeki mereka masing-masing. Oleh itu janganlah digusarkan tentang kelahiran anak-anak akan mengurangkan rezeki kita.

III) Hukum Perkahwinan Dalam Islam

Dalam hal ini terdapat banyak pendapat mengenai perkahwinan dalam Islam.²⁴

²³ Ibid, hal.

²⁴ Mahmud Junus, op cit, hal. 2 - 4.

²⁵ Ibid, hal 3.

- 1) Perkahwinan itu hukumnya sunat menurut pendapat
kebanyakannya ulamak (Djumhur)
- ii) Menurut Daud (ahli zahir) hukumnya menjadi wajib
bagi orang yang berkuasa dan mampu. Ini berdasarkan
kepada rujukan pada ayat Al Quran dan Hadith adalah
suruhan yang wajib. Tiap-tiap suruhan Allah dan
Rasulnya wajib diikuti dan tidak boleh ditakutkan
(diputarbelitkan kepada yang lain seperti suruhan
sunat, harus, haram dan lain-lain)
- iii) Setengah ulamat berpendapat bahawa luhur perkahwinan
itu ada wajib sunat, harus, makruh dan haram.

Menurut pendapat Imam Shafie hukum perkahwinan itu ialah menurut pendapat yang ketiga iaitu bergantung kepada keadaan seseorang. Ini bermakna hukum perkahwinan itu boleh menjadi wajib, sunat, harus, makruh dan haram.²⁵

Apa yang dikatakan wajib bererti ia diberi pahala jika berkahwin dan berdosa jika meninggalkannya. Ini adalah ditujukan kepada orang-orang yang berhajat kepada perkahwinan dan mempunyai belanja yang cukup serta ia takut tergoda kepada kejahatan (zina) jika ia tidak berkahwin.

²⁵ Ibid, hal 5.

Sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud;

"Barang siapa sanggup daripada kamu memperolehi tempat tinggal maka hendaklah kahwin, kerana dengan perkahwinan itu menutup mata daripada melihat wanita lain dan lebih menjaga kehormatan. Dan barang siapa yang tiada sanggup maka hendaklah berpuasa.²⁶ Kerana puasa itu melemahkan syahwatnya.

(Dirasmikan oleh Al Bukhari dan Muslim dari Ibnu Majid)

Dari keterangan tadi jelas menunjukkan bahawa Islam menyuruh umatnya yang mampu dan berhajat kepada perkahwinan agar perkahwinan itu dapat menghindarkan daripada maksiat dan dosa.

Hukum sunat pula ialah bererti diberi pahala jika ia berkahwin dan tiada berdosa jika tidak. Hukum ini adalah bagi orang yang hendak kepada perkahwinan dan cukup belanja (nafkah dan lain-lain). Tetapi di sini tidaklah sampai ia berbuat maksiat seperti zina jika ia tidak berkahwin.²⁷

Hukum makruh pula bererti tidak berdosa jika ia berkahwin dan diberi pahala jika ia tidak berkahwin. Hukum ini adalah bagi orang-orang yang tidak mampu memberi nafkah, atau ia mampu

²⁶ Md. Ali Alhamidy, op cit, hal. 16.

²⁷ Haji Sanusi Haji Mahmood, op cit, hal. 14.

³⁰ Imam Al Ghazali, op cit, hal 363.

memberi nafkah tetapi ia takut bahawa ia akan melakukan kezaliman ke atas perempuan yang dikahwini.²⁸

Akhir sekali hukum haram bererti berdosa kalau seseorang itu berkahwin dan diberi pahala jika ia tidak berkahwin. Ini adalah merujuk kepada orang-orang yang yakin bahawa ia akan melakukan kezaliman ke atas perempuan yang dikahwininya atau berniat untuk menyakitinya.

Dari hukum-hukum yang diterangkan jelas menunjukkan Islam begitu menitikberatkan soal perkahwinan dan hidup berkeluarga. Islam menganjurkan perkahwinan kerana ada hikmat yang tersendiri baik didunia maupun di akhirat. Sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud;

"Kahwinilah kaum wanita itu kerana sesungguhnya mereka akan mendatangkan rezeki kepada kamu."²⁹

(Riwayat Hakim dan Abu Daud dari Aisyah)

Disamping mendapat keuntungan didunia, orang yang sudah berkahwin juga akan mendapat ganjaran dihari akhirat. Setengah ulamak berpendapat kelebihan orang yang berkeluarga dari orang yang membujang adalah seperti kelebihan orang yang pergi ke medan Jihad dan pada orang yang duduk. Serakaat dari orang yang berkeluarga lebih utama daripada 70 rakaat dari orang yang membujang.³⁰

²⁸ Ibid, hal. 14.

²⁹ Ibid, hal. 8.

³⁰ Imam Al Ghazali, op cit, hal 363.

Ibnu Abas R.A. juga berkata bahawa;

"Tidak sempurna ibadat bagi orang yang
melakukan ibadat haji sebelum ia berkahwin."³¹

Di sini menunjukkan bahawa kepentingan berkahwin itu adalah lebih utama daripada menunaikan fardhu haji.

Setelah meninjau dalil-dalil daripada Al Quran dan Hadith dapatlah kita mengambil kesimpulan bahawa pendapat Djumhur (termasuk Shafie) adalah lebih kuat dan muktamat iaitu hukum perkahwinan itu menurut hukum asalnya iaitu sunat (sunnah yang dituntut).

Dalam pada itu hukum perkahwinan boleh menjadi wajib hingga kepada haram dan bergantung kepada situasi yang tertentu. Ini adalah kerana Islam adalah agama Allah dan hukum yang diciptanya adalah terbukti kebenarannya. Dalam keadaan di mana akan berlaku penyeksaan terhadap perempuan, Islam akan mengharamkan perkahwinan. Ini adalah kerana Islam berpandangan jauh kerana tujuan perkahwinan itu bukan untuk persengketan tetapi adalah untuk kebahagian dan kesejahteraan. Begitu juga dalam keadaan di mana seseorang yang mampu dan berkehendakan kepada perkahwinan, jika ia tidak berkahwin nescaya akan melakukan perbuatan-perbuatan yang bertentangan dengan ajaran Islam. Justeru itu dalam keadaan ini Islam mewajibkan perkahwinan ke atas mereka.

³¹ Ibid, hal 360.

IV) Pemilihan Jodoh Menurut Islam

Islam telah menggariskan beberapa peraturan dan panduan dalam pemilihan pasangan supaya kedua mereka suami isteri akan dapat hidup bahagia dan sejahtera. Ini kerana telah banyak berlaku keretakan rumah tangga adalah berpunca dari tiada persesuaian dan persefahaman dalam kehidupan berkeluarga.

Justeru itu timbul konsep "sekufu" atau persamaan taraf. Iaitu sama tinggi dan sama mulia atau sama rendah dan sama hina di antara menilai lelaki dan perempuan. Ini adalah satu dasar yang dibentuk khas untuk mengelakkan perkahwinan yang tidak setaraf atau layak dengan kedudukan masing-masing supaya dapat mengelakkan berlaku perceraian. Firman Allah bermaksud;

"Lelaki yang berzina hanya mengahwini perempuan yang berzina atau perempuan saja. Dan perempuan berzina hanya dikahwini oleh lelaki yang berzina atau musyrik. Dan demikian dilarang untuk orang-orang berzina.

(Surah 24 ayat 3)

Dalam hal ini Islam telah menggariskan syarat-syarat 'sekufu' mengikut susunan kepentingannya iaitu agama, keturunan, pekerjaan, merdeka, tiada kecacatan, kemewahan hidup dan umur (ini adalah mengikut setengah pendapat).

Walau bagaimanapun 'sekufu' bukanlah syarat sah bagi nikah, tetapi adalah untuk kesempurnaan nikah sahaja yakni nikah seseorang lelaki yang tidak setingkat (kufu) dengan seorang wanita adalah sah jika wanita itu dan walinya reda dan bersetuju.³²

Tujuan sekufu ialah supaya tidak timbul perasaan rendah diri (infeority complex) atau ego (superiority complex) di antara keduanya yang implikasinya akan menyababkan berlakunya pergolakan dalam rumah tangga.

Dalam hal ini Islam lebih mengutamakan agamanya daripada yang lain. Sabda Rasullah bermaksud;

"Tiada kelebihan bagi orang Arab atas orang bukan Arab dan sebaliknya dan tiada kelebihan bagi orang bewarna putih di atas orang berkulit hitam dan sebaliknya kecuali kelebihan taqwa saja."³³

(Riwayat Abu Daud Tirmizi dan Nasari)

Sabda Rasul lagi bermaksud;

"Perempuan itu dinikahi oleh kerana 4 perkara kerana hartanya, keturunannya yang mulia, kerana kecantikan dan kerana agamanya. Maka ambil perempuan yang berugama, jika tidak

(Riwayat Ahmad dan Abu Daud)

³² Haji Sanusi Haji Mahmood, Op cit., hal 29.

³³ Ibid., hal 31

³⁴ Ibid., hal 32.

nescaya engkau menjadi fakir yakni
menjadi kecewa dan melarat."³⁴

(Riwayat Bukhari, Muslim, Abu Daud
Termizi, Nasai daripada Abu Hurairah)

Islam menganjurkan supaya agama adalah perkara terpenting dalam pemilihan jodoh kerana agama adalah perkara terpenting dalam pemilihan jodoh kerana agama adalah merupakan asas terpenting dalam kesejahteraan dan kebahagian rumah tangga. Tanpa pegangan agama yang kukuh, banyak rumah tangga yang dibina pecah belah dan porak peranda.

Di satu segi yang lain membenarkan calon suami melihat bakal isterinya supaya timbul rasa cinta dan kasih sayang dan ini diharapkan akan dapat membina keluarga yang bahagia kelak. Perkahwinan adalah satu ikatan yang kukuh yang diharapkan akan berkekalan hingga ke anak cucu dan bukanlah ikatan untuk sementara waktu sahaja. Justeru itu eloklah setiap individu melihat dahulu calon pasangan mereka dan bila sudah disetujui barulah pernikahan dilaksanakan. Jadi dengan ini diharapkan usia perkahwinan akan berkekalan. Rasulullah S.A.W. bersabda bermaksud;

"Apabila seseorang dari kamu memenang seseorang sekiranya ia dapat melihatnya sehingga bertambah keinginannya kepada perkahwinan."³⁵

(Riwayat Ahmad dan Abu Daud)

³⁴ Ibid, hal 10. ³⁵ Alexander Mikail, *Muslim Islam's A Survey*, hal 12.

³⁵ Ibid, hal 12.

Hadith ini menunjukkan bahawa hukum melihat perempuan itu adalah sunat. Melihat di sini bukanlah melihat paras rupa sahaja tetapi termasuklah hati budi, perangai dan lain-lain.

v) Kesimpulan

Hasil perbincangan menunjukkan dengan jelas bahawa Islam adalah agama yang diturunkan oleh Allah sebagai agama yang lengkap dan merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia. Keadaan ini dapat ditonjolkan pendapat oleh seorang sarjana barat yang banyak mengkaji tentang Islam iaitu menurut H.A.R. Gibb;

"Islam is indeed much more than a system
of theology; it is a complete civilization."³⁶

Dalam mengatur kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat, Islam telah menyediakan peraturan dan panduan yang lengkap dan telah diakui benarnya oleh segenap lapisan manusia. Ternyata ajaran dan institusi perkahwinan yang dibentuk oleh Islam adalah sebuah institusi yang paling bertamadun dalam sejarah perkembangan manusia. Bersumberkan kepada Al Quran, diperjelaskan pula oleh Hadith, Ijmak-ulamak dan Qiyas, Islam telah menyediakan peraturan, saranan dan panduan yang serba lengkap supaya sesebuah rumah tangga yang mencapai matlamat yang sebenar.

³⁶ Gibb, Sir Hamilton Alexander Rosskeen, whether Islam?; A Survey of modern movements in the Muslim World, London, 1932, hal 12.

BAB IV

PERCERAIAN: DARI PERSPEKTIF ISLAM

Perceraian ialah mengakhiri sebuah perkahwinan. Walaupun setiap pasangan dalam rumah tangga inginkan kebahagian dan ke-sejahteraan namun sering berlaku perselisihan dan jika ia sudah tidak dapat dibendung maka berlakulah perceraian. Di bawah undang-undang Yahudi lama (Hebraic Law) seorang suami boleh menceraikan isterinya pada bila-bila masa sahaja yang dikehendaki. Terdapat sedikit kawalan yang dikenakan kepada seorang suami bahkan kadang-kadang mereka tidak dikawal langsung dan bertindak menggunakan kuasa sewenang-wenangnya.

Terdapat orang bukan Islam yang bersetuju dan menyatakan bahawa keadaan alam semula jadi memerlukan perceraian.¹ Perceraian bagi orang Kristian kepada mereka terbahagi kepada tiga jenis iaitu;²

- 1) Bersetuju dengan cerai tetapi tidak berpisah.

Ini diamalkan di Sweden, Norway, Portugis, Romania, German dan lain-lain.

- 2) Berpisah tetapi tidak bercerai diamalkan di Sepanyol dan Italy.

- 3) Berpisah dan bercerai diamalkan di Francis, Belgiun, Great Britain dan Amerika Syarikat.

¹ Said Abdul Al Hatimi, Women In Islam; A comparative Islamic Publication Ltd, Lahore, Pakistan 1979, hal 31.

² Ibid, hal 32

Dalam Islam kalimah "talaq" dalam bahasa Arab membawa erti melepaskan sesebuah ikatan dan dalam kontek ini ialah melepasan ikatan perkahwinan.³ Oleh kerana Islam menganggap perkahwinan sebagai satu ikatan yang mengharuskan perhubungan antara lelaki dan perempuan, maka Islam juga membenarkan rombakan ikatan tersebut jika sekiranya terdapat sebarang kesulitan yang mungkin tidak menemui jalan penyelesaian. Menurut K.N. Ahmad;

"But if a husband and wife cannot live happily together so that the very object of marriage are defeated and it becomes a mere farces, then its continuarel is no longer considered desirable. Under such circumstance, Divorce and dissolution of marriage are allowed under Islamic law."⁴

Walaupun Islam mengharuskan perceraian tidak semestinya manusia boleh melakukannya sesuka hati sahaja. Pengharusan ini bermakna tidaklah ia digalakkan. Nabi Muhamad S.A.W. pernah bersabda bermaksud;

"Dari Ibnu Umar, Katanya bersabda Rasulullah S.A.W," "Barang yang halal yang paling dibenci oleh Allah ialah Talaq".⁵

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Ibnu Majah)

³ Haji Sanusi Haji Mahmood, op cit, hal 76.

⁴ K.N. Ahmad; The Muslim Law of Divorce, Islamic Research Institute Islamabad, 1972, hal 1

⁵ Haji Sanusi Haji Mahmood, op cit, hal 79.

Justeru itu Islam menyeru supaya umatnya mencari jalan penyelesaian dan bersabar sebelum pihak suami menceraikan isterinya. Firman Allah bermaksud;

"Kalau kamu benci mereka itu (isteri kamu) maka hendaklah kamu sabar dan jangan segera menjatuhkan talaq kerana boleh jadi kamu benci akan sesuatu, sedangkan Allah menjadikan kebaikan yang banyak di dalamnya."

(surah Annisa: 18)

Seterusnya bila didapati isteri-isteri yang engkar.

Allah menganjurkan supaya pihak suami bersabar dan menasihati isteri-isteri mereka. Firman Allah bermaksud;

"Isteri-isteri kamu yang kamu dapati engkar, maka nasihatilah mereka, jika tidak berjaya juga bolehlah memukulnya sebagai pukulan mengajar, maka apabila ia telah kembali taatkan kamu maka janganlah kamu menyusah-yusahkannya bahawa Allah maha Agung dan maha besar."

(surah Annisa: 34)

Dalam usaha mencari penyelesaian, jika berlakunya sesuatu pertengkaran atas perselisihan maka Islam menganjurkan supaya di-adakan dua orang hakam (pendamai) antara keduanya. Seorang dari keluarga suami dan seorang dari keluarga isteri. Kedua orang hakam itu akan cuba sedaya upaya untuk mendamaikan kedua suami

isteri itu. Kalau tidak berhasil juga perdamaian maka waktu itulah hakam menetapkan perceraian antara keduanya dengan menjatuhkan satu talaq atau khuluq semoga dengan berlaku perceraian itu kembalilah ketenteraman di antara kedua belah pihak dan dengan harapan mereka dapat mencari pasangan masing-masing yang sesuai, untuk mencapai tujuan perkahwinan yang dicita-citakan.

1) Hukum Talaq

seperti yang diperintahkan menjatuhkan talaq adalah hukum talaq halal yang sangat diingati oleh Allah. Tetapi ada beberapa hal tertentu bergantung kepada keadaan. Talaq menjadi wajib bila terjadi perselisihan (siqaq) antara suami isteri sedangkan dua hakam yang dilantik untuk menguruskan perkara itu sepakat serta memandang perlu untuk bercerai. Begitu juga talaq menjadi sunat bila suami tidak lagi memberi nafkah dengan cukup kepada isterinya, atau isterinya itu tidak menjaga kehormatan dirinya. Sabda Rasulullah S.A.W. bermaksud;

al ini slos dibicangkan perkara-perkara yang menyebabkan menjatuhnya talaq kepada seorang. Ini "Seorang lelaki telah datang kepada adalah menyebabkan menjatuhnya talaq kepada yang masih belum begitu Nabi Muhamad S.A.W. dan berkata faham dan ini menyebabkan menjatuhnya talaq yang masih belum begitu di antara menyebabkan menjatuhnya talaq. dan ada kalanya jawab baginda; ceraikan dia."⁶

talaq terjatuh tanpa disedari. Ini menunjukkan merupakan satu

⁶ Haji Sanusi Haji Mahmood, op cit, hal 78.

* Maksud menyentuh di sini ialah melakukan sesuatu pekerjaan jahat (maksiat).

⁷ Ahmad Junus, op cit, hal 113.

Talaq menjadi haram pula apabila berlaku dalam dua keadaan, iaitu menjatuhkan talaq dalam keadaan isteri sedang haid atau sedang kotor, dan menjatuhkan talaq sewaktu si isteri suci daripada haid yang disetubuhinya dalam waktu suci itu. Akhir sekali talaq menjadi makruh bila seseorang menjatuhkan talaq tanpa sebab munasabah yang kuat hingga ia boleh menjatuhkan talaq itu.

Seperti yang diperkatakan menjatuhkan talaq adalah sesuatu yang halal yang amat dibenci oleh Allah. Tetapi dalam beberapa hal talaq boleh dijatuhkan dengan tiada dibenci oleh Allah.⁷ Keadaan-keadaannya ialah apabila isteri melakukan zina, 'nusyuz' dan telah diberi nasihat sedaya upaya, isteri suka mabuk, penjudi dan lain-lain sebab yang tidak dapat memungkinkan mendirikan rumah tangga dengan damai dan teratur.

II) Konsep Talaq Dalam Islam

Dalam hal ini elok dibincangkan perkara-perkara yang menyebabkan membawa kepada jatuhnya talaq kepada seseorang. Ini adalah memandangkan masih ramai lagi orang yang masih belum begitu faham dan mengerti tentang konsep talaq ini. Justeru itu ramai di antara mereka yang mempermain-mainkan talaq dan ada kalanya talaq terjatuh tanpa disedari. Ini sesungguhnya merupakan satu perkara yang amat berat. Kerana kalau jatuhnya talaq tanpa di-

⁷ Mahmud Junus, op cit, hal 113.

Bagi Shari'ah sedari maka berlakulah perzinaan selagi suami isteri itu tidak rujuk kembali.

Dalam Islam, perkara-perkara yang boleh menjatuhkan talaq ialah:

- i) Kematian salah seorang suami atau isteri
- ii) Dikehendaki oleh suami
 - a) Talaq
 - b) Lian
 - c) Zihar
 - d) ILa'
- iii) Melalui kehendaki isteri - fasakh
- iv) Melalui kehendak dua pihak (suami dan Isteri)
- Khuluq

Talaq

ii) Talaq Khayal (imajinasi), iaitu lafadz yang boleh

Talaq boleh didefinisikan sebagai:

"Talaq may be defined as the release from the marriage either immediately or eventually, by the use of certain word whether spoken or written; by the husband."⁸

Jelas di sini ialah talaq adalah di bawah bidang kuasa suami dan suami boleh menjatuhkan talaq semada dengan lafadz (perkataan) atau dengan tulisan (Hanafi, Maliki dan Hambali).

⁸ K.N. Ahmad, op cit, hal 28.

Bagi Shafie jika dengan tulisan hendaklah disertai dengan niat.

Talaq mengandungi dua bahagian.⁹

- i) Talaq Sharih (terang), iaitu lafaz yang digunakan tidak ragu-ragu lagi bahawa yang dimaksudkan ialah memutuskan ikatan perkahwinan seperti suami berkata; "Engkau tertalaq"
"Saya ceraikan engkau"
"Saya Talaq engkau"

Perkataan-perkataan seperti di atas dianggap sebagai menyempurnakan niat atau petunjuk keadaan maka selepas daripada suami melepaskan lafaz ini kepada isteri semada dengan niat untuk menceraikan atau tidak nescaya gugurlah talaq satu.¹⁰

- ii) Talaq Kinayah (sindiran), iaitu lafaz yang boleh diertikan untuk perceraian atau lainnya, yakni lafaz itu masih ada keraguan pada ertiannya, seperti suami berkata;

"Baliklah engkau ke rumah bapamu"

"Pergilah engkau dari sini"

⁹ Haji Sanusi Haji Mahmud, op cit, hal 78 - 80.

¹⁰ Prof T.M. Hasbi Ash Siddiqi, Hukum-hukum Fiqih Islam, hal 279

¹¹ Mahmud Junus, op cit, hal 114.

¹² Drs Kamal Muchtar - Apa-apah Perkataan

Maka perkataan-perkataan yang seumpama ini jika diucapkan oleh suami beserta dengan niat menceriakannya nescaya gugurlah talaq satu.

Adalah perlu diingatkan bahawa talaq bukanlah boleh dibuat mainan atau gurauan, kerana walaupun suami menjatuhkan talaq secara berolok-olok, dikira jatuh juga talaqnya. Ini bersandarkan kepada hadis Rasulullah S.A.W. yang bermaksud;

"Ada tiga perkara, kesungguhannya, sungguh dan olok-oloknya sungguh iaitu perkahwinan talaq dan rujuk."¹¹

(Diriwayatkan oleh Tarmizi)

Oleh itu janganlah cuba mempermainkan kata-kata yang boleh mengugurkan talaq walaupun dalam keadaan bergurau atau sedang marah kerana talaq dikira jatuh ia dilafazkan walaupun tanpa niat untuk menceraiakan isterinya.

Lian

Erti lian menurut syarak ialah suami bersumpah di hadapan hakim mahkamah dalam sebuah mesjid pada tuduhannya ke atas isterinya dengan berzina. Kemudian isteri bersumpah menolak tuduhan tersebut sedang masing-masing tiada mempunyai bukti yang cukup yang dapat dianjurkan kepada hakim.¹² Menurut hukum sebenar bila

¹¹ Mahmud Junus, op cit, hal 114.

¹² Drs Kamal Muchtar - Asas-asas Perkahwinan

seorang menuduh seorang wanita berzina tanpa mempunyai bukti yang cukup iaitu 4 orang saksi yang sah maka yang menuduh wajib diseksa 80 kali sebat. Tetapi jika yang menuduh itu suaminya sendiri dan tidak dapat membuktikan 4 orang saksi maka ia boleh dilepaskan dari seksaan dengan jalan lian iaitu bersumpah seperti berikut;

"Demi Allah aku iaitu saksi bahawa aku benar terhadap tuduhanku ke atas isteriku bahawa dia telah melakukan zina."¹³

Perkataan itu hendaklah diulangi sebanyak 4 kali kemudian ditambah lagi dengan perkataan, "atasku lagnat Allah sekiranya aku dusta dalam tuduhan ini."

Setelah sisuami melian isterinya maka suami tidak dikenakan seksaan, sebaliknya si isteri pula dijatuhkan hukuman zina. Tetapi jika si isteri pula bersumpah dengan nama Allah ia tidak melakukan zina maka lepaslah pula ia dari tuduhan zina itu. Akibatnya suami isteri akan bercerai untuk selama-lamanya. Hadith Nabi bermaksud;

"Menurut riwayat seorang suami dari golongan insan telah menuduh isterinya melakukan perzinaan. Rasul kemudian meminta kedua pihak untuk bersumpah; kemudian beliau memerintahkan keduanya bercerai."¹⁴

(Riwayat Bukhari)

¹³ Haji Muhamad Sanusi Haji Mahmood, op cit, hal 106.

¹⁴ Siddik Abdullah S.H., op cit, hal 78.

Zihar

Zihar berasal dari perkataan Arab Zuhur bererti belakang,¹⁵ kerana shigatnya yang asal ialah suami berkata kepada isterinya, "Engkau pada sisiku seperti belakang ibuku", tetapi pada syarak iaitu suami menyerupakan isterinya dengan muhrimnya (orang yang diharamkan berkahwin dengan syara'). Firman Allah bermaksud;

"Orang-orang yang menziharkan isterinya di antara kamu (perbuatan mereka itu tidak benar), kerana isteri mereka itu ibu mereka. Ibu-ibu mereka tidak lain hanyalah wanita yang melahirkan mereka. Dan hanya mereka sungguh-sungguh mengucapkan suatu perkara mungkar dan dusta."¹⁶

(Al Mudjadilah: 2)

Zihar pada zaman Jahiliah dianggap talaq¹⁷ kemudian diharamkan oleh agama Islam serta diwajibkan membayar denda (kifarah) dengan turunnya ayat tersebut. Oleh kerana orang yang mengatakan demikian kepada isterinya dengan tidak menggugurkan talaqnya, tetapi adalah haram bersetubuh melainkan terlebih dahulu dibayar kifarah seperti berikut:

¹⁵ Mohamad Jamil.; Marriage and Dissolution, of Marriage in Muslim Law, The Kapur-Art Printing Lahore, 1942, hal 113.

¹⁶ Haji Sanusi Haji Mahmood, op cit, hal 103

¹⁷ Mohamad Jamil, op cit, hal 113.

- i) Hendaklah memerdekaan hamba sahaja mukmin lelaki atau perempuan
- ii) Jika tidak mampu hendaklah berpuasa selama 60 hari berturut-turut
- iii) Jika tidak mampu berpuasa, hendaklah ia memberi makan 60 fakir miskin $\frac{1}{4}$ gantang fitrah seorang, bergantung kepada makanan asasi negara itu.

Selepas daripada suami membayar kifarah salah satu daripada di atas maka dihalalkan persetubuhan di antara mereka.

Ila'

Ila' menurut definisi asal ialah sumpah, tetapi pada syarah bermaksud sumpah suami tidak akan bersetubuh dengan isterinya selama 4 bulan atau lebih, atau tidak menyebutkan masa.¹⁸ Ila' hukumnya haram kerana menyebabkan kemudharatan kepada isteri. Ila' pada asalnya menjadi talaq pada zaman jahiliah, kemudian diharamkan. Oleh Islam dan dipinda menjadi sumpah selama 4 bulan. Firman Allah bermaksud;

"Kepada orang yang bersumpah tidak akan mensemtuhi isterinya diberi tangguh selama 4 bulan. Kemudian jika mereka kembali (kepada isterinya) maka sesungguhnya Allah maha pengampun lagi maha penyayang."

(Al Baqarah: 226)

¹⁸ Ibid., op cit, hal 101.

Rasulullah juga ada bersabda bermaksud;

"Telah berkata Aisyah bahawa Rasulullah S.A.W. telah bersumpah tidak akan ber-setubuh dengan isterinya dan tidak meng-haramkan di atas dirinya beberapa perkara-perkara yang halal. (seperti ber-setubuh dengan jariahnya yang bernama Mariah dan seperti meminum air madu). Kemudian baginda melanggar (kembali) sumpah ini, lalu baginda menjadikan benda yang di-haramkannya dengan sumpah itu halal semula dengan membayar kifarah."¹⁹

(Riwayat Tarmizi dengan Sanad yang salih)

Setelah habis tempuh 4 bulan tersebut, maka suami boleh-lah melakukan persetubuhan semula dengan isterinya. Tetapi apabila sampai tempoh 4 bulan didapati suami tidak mahu mensemtuhi dan menceraikan isterinya maka hal itu bolehlah di kemukakan kepada mahkamah untuk memutuskannya. Madhi boleh meminta supaya suami melakukan persetubuhan semula atau menceraikan isterinya. Jika suami tidak mahu melakukan salah satu dari dua perkara tersebut, maka kadi bolehlah menjatuhkan talaq Rajai.

¹⁹ Ibid, hal 102.

Khuluq (Tebus Talaq)

Khuluq ialah satu perceraian mengikut kehendak isteri. Apabila ia tidak mahu hidup dengan suami atas sebab-sebab seperti kejahatan perangai suami atau fasiknya, atau kerana suami tidak cinta lagi kepadanya ataupun si isteri sendiri telah hilang kasih sayang kepada suaminya, ataupun dengan sebab-sebab lain yang menjadikan mereka tidak dapat bergaul dengan secara aman dan damai.²⁰ Jadi dengan sebab-sebab di atas maka diizinkan pehak isteri meminta Talaq dan membayar kepada suami benda yang berharga sebagai ganti rugi dan banyak sedikit benda itu adalah menurut persetujuan keduanya.

Dalam hal ini Rasulullah S.A.W. bersabda bermaksud erti^{nya}, dari ibnu Abbas bahawasanya isteri Talib bin Qais telah datang berjumpa Rasulullah S.A.W. seraya berkata;

"Wahai Rasulullah (saya hendak cerai dari suami saya) dan tiada cacian terhadap perangainya dan keagamaannya tetapi saya bencikan sifat kekufuran yang ada pada saya sedangkan saya seorang Islam". Maka sabda Rasulullah, "adakah engkau bersedia mengembalikan kebunnya yang telah diberikan kepada mu sebagai mas kahwin?". Jawab, ya saya bersedia lalu baginda menyuruh Talib bin Qais menerima kembali kebun itu dan menceraikan isterinya

²⁰ Ibid, hal 96.

untuk mengelakkan perbalahan. Maka di
terima Talib bin Qais perintah baginda
itu lalu diceraikannya isterinya tersebut.²¹

(Riwayat Bukhari)

Apabila berlaku Khuluq, maka berlakulah Talaq Bain Shbra (tiada
boleh ruju')

Adalah ditegaskan bahawa khuluq ini hanya diizinkan atas
sebab-sebab yang manasabah sahaja. Islam mengeji perempuan-
perempuan yang meminta cerai dari suaminya atas alasan-alasan yang
tidak konkret yang menyebabkan perceraian boleh berlaku.

Sabda Rasulullah bermaksud;

"Siapa sahaja seorang isteri meminta cerai
kepada suaminya tanpa sebab, keadaan
yang sangat diperlukan maka haramlah kau
surga ke atasnya."²²

Di antara sebab-sebab yang membolehkan isteri minta khuluq ialah:²³

- i) Suami isteri tidak mendirikan hukum-hukum Allah,
iaitu pergaulan secara makruf.

²¹ Ibid, hal 97.

²² K.H. Muhamad, op cit, hal 14.

²³ Mahmud Junus, op cit, hal 132.

²⁴ Ibid, hal 133.

ii) Kerana isteri sangat benci kepada suami. Lantara sebab-sebab yang tidak disukainya sehingga takut tidak akan dapat mematuhi suaminya.

iii) Suami berzina, pemabuk dan lain-lain.

Seharusnya isteri buat pertimbangan dahulu dan selesaikan secara aman dengan suami. Jika didapati keadaan tidak boleh di-selesaikan barulah si isteri minta khuluq.

Firman Allah bermaksud;

"Kalau kamu takut bahawa kedua suami isteri tidak dapat mendirikan batas-batas (Hukum-hukum Allah) maka tiadalah keduanya berdosa jika isteri memberi tebusan (dengan membayar (deral kepada suami). Demikian batas-batas Allah maka janganlah kamu lewati."

(Al Baqarah: 23)

Fasakh

Fasakh ialah perceraian atas permintaan isteri atau suami memutuskan perkahwinan dihadapan hakim atas alasan-alasan seperti suami gila, penyakit kusta, sopak, dan menderita penyakit seperti tiada dapat melakukan hubungan kelamin seperti Unnah (terpotong kemaluannya).²⁴ Pihak isteri boleh minta fasakh jika terdapat salah satu daripada di atas kepada suaminya. Seterusnya

²⁴ Ibid, hal 133.

setelah perkahwinan diputuskan maka berlakulah **talaq Subra** (tiada boleh rujuk kembali).

Seterusnya pehak suami boleh menfasakhkan perkahwinan jika isteri menderita penyakit yang tiada boleh melakukan hasrat kelamin seperti rataq (ter tutup lubang kemaluan) dan sebagainya. Begitu juga jika isteri itu gila, sakit kusta, sopak dan lain-lain. Dalilnya dari Hadith Zaib bin Ka'ab; erti nya;

"Rasulullah berkahwin dengan seorang perempuan dari Bani Ghifar. Tatkala ia masuk kepada Nabi, lalu Nabi melihat di sebelah rusuknya warna putih (sopak) kemudian Nabi menolak (menyembahkan) dia kepada keluarganya."²⁵

(Riwayat Ibnu Khasir)

Haruslah diingat bahawa memfasakhkan perkahwinan haruslah dimuka hakim dengan keterangan yang cukup seperti dua orang saksi atau keterangan dua orang doktor yang memeriksa penyakit itu. Apabila penyakit itu tidak mungkin sembuh, maka bolehlah difasakhkan perkahwinan. Tetapi jika ada harapan untuk sembuh maka haruslah ditunggu setahun lamanya.²⁶

²⁵ Ibid, hal 134.

²⁶ Ibid, hal 135.

III) Kesimpulan

Dari penjelasan yang telah dibincangkan, ternyata dalam Islam adalah merupakan agama yang sedia memberi kemudahan kepada hambanya sesuai dengan kejadian "tabiat" (nature) manusia lelaki dan wanita. Jika sesebuah keluarga yang sudah berpecah belah dan tiada harapan untuk dibaiki, Islam mengharuskan perceraian. Jika dalam keadaan yang sebegini, perceraian tidak dibenarkan, nescaya akan berlaku keadaan yang lebih buruk lagi. Semoga dengan adanya kelonggaran ini dapatlah mereka melepaskan diri masalah yang dihadapi dan diharapkan akan dapat membina rumahtangga yang baru yang akan mencapai matlamat perkahwinan sebenar. Tetapi kelonggaran yang diberikan ini tidaklah bermakna Islam menggalakkan perceraian di kalangan pengikutnya.

Di samping itu Islam juga membetulkan tanggapan setengah golongan yang tidak faham tentang Islam bahawa kuasa talaq itu berada ditangan suami sahaja. Sebenarnya pihak isteri juga ada hak dalam hal menuntut perceraian jika keadaan sudah memaksa sudah mereka berbuat demikian. Ini adalah kerana Islam adalah agama yang mendokong konsep keadilan di mana setiap makhluknya ada hak dan tanggungjawab masing-masing. Salah faham tentang kuasa talaq ini digambarkan oleh kenyataan seorang sarjana barat yang menyatakan

"Without doubt it is the institution of whole range of the family law is occasioning the greatest prejudice to the Status of Muslim Women."²⁷

Anggapan mereka banyak perceraian berlaku kerana lelaki telah diberi kuasa yang sepenuhnya untuk menceraiakan isteri se-wenang-wenangnya tanpa sebarang sebab. Begitu tidak adil dan rumah-tangga yang dibina akan mencapai matlamat yang diidamkan. Dari realiti yang berlaku dalam masyarakat masa kini juga menunjukkan bahawa banyak rumah tangga yang dibina tidak beragin dan akhirnya mengalami keruntuhan dan kesusahan. Selain pada dasarnya perselisihan dalam rumah tangga itu adalah merupakan suatu garis kehidupan seperti kata pepatah Melayu, "sudangkan lidah lagi tergilit inikan puln suaud isteri", tetapi pada pandangan penulis ia tidaklah boleh dipandang ringan. Sulau pun perselisihan yang berlaku adalah mengenai perkara-perkara yang remeh-tekeh tetapi jika tiada daya usaha untuk mengatasinya nesannya ia akan menjadi satu masalah yang besar yang akan menyebabkan pergolakan rumah tangga menjadi lebih hebat.

Dari pula kajian-kajian yang telah dilakukan menunjukkan bahawa sebelum berlakunya perceraihan ia dihadului oleh perselisihan.¹

²⁷ Profesor N.J. Coulson, A History of Islamic Law, Edinburgh University Press; 1964, reprinted 1978, hal 209.

Masyarakat Aceh, Alfitri (ed), Iayasan Ilmu, Ilmu Sosial, Jakarta, 1977, hal 143.

BAB V

SATU KAJIAN MENGENAI PERCERAIAN DI
DAERAH SABAK BERNAM SELANGOR

Apa yang sudah jelas kepada kita, matlamat sepasang suami isteri mendirikan rumahtangga adalah untuk mencari kebahagian dan kesejahteraan dalam kehidupan. Namun begitu tidak semua rumah-tangga yang dibina akan mencapai matlamat yang diidamkan. Dari realiti yang berlaku dalam masyarakat masa kini jelas menunjukkan bahawa banyak rumahtangga yang dibina tidak bahagia dan akhirnya mengalami keruntuhan dan kemusnahan. Walaupun pada dasarnya perselisihan dalam rumahtangga itu adalah merupakan asam garam kehidupan seperti kata pepatah Melayu, "sedangkan lidah lagi tergigit inikan pula suami isteri", tetapi pada pandangan penulis ia tidaklah boleh dipandang ringan. Walaupun perselisihan yang berlaku adalah mengenai perkara-perkara yang remeh-temeh tetapi jika tiada daya usaha untuk mengatasinya nescaya ia akan menjadi satu masalah yang besar yang akan menyebabkan pergolakan rumahtangga menjadi lebih hebat.

Daripada kajian-kajian yang telah dilakukan menunjukkan bahawa sebelum berlakunya perceraian ia di dahului oleh perselisihan.¹

¹ Lihat Baihaqi A.K., "Masalah Perceraian di Aceh: Studi Kasus di Dua Kecamatan", dalam Segi-segi Sosial Budaya Masyarakat Aceh, Alfian (ed), Yayasan Ilmu, Ilmu Sosial, Jakarta, 1977, hal 143.

Daripada kajian yang penulis lakukan di daerah Sabak Bernam Selangor.

Jelas menunjukkan bahawa sebelum berlakunya sesuatu perceraian ia didahului oleh perselisihan yang berlarutan di antara kedua belah pihak. Daripada analisa penulis terhadap 65 kes yang diadukan di pejabat kadi didapati ada 12 punca yang menyebabkan berlaku perselisihan dan akhirnya perceraian. Jadual di bawah menunjukkan apakah faktor-faktor yang penulis dapati membawa kepada per-

selisihan dan perceraian

- | | | |
|------------------------------------|---|-------|
| iii) Suami curang | 4 | 6.1% |
| iv) Cemuh | 2 | 3.0% |
| v) Penyelewangan dalam berpoligami | 7 | 10.8% |
| vi) Tiada melakukan suruhan agama | 1 | 1.5% |

Kesalahan Intiri

- | | | |
|---------------------------|---|-------|
| i) Tiada bertanggungjawab | 7 | 10.8% |
| ii) Durang | 1 | 1.5% |
| iii) Cemburu | 1 | 1.5% |

Kesalahan Di Kedua Pihak

(Tiada perseguian)

9 13.8%

Faktor-faktor Luaran

- | | | |
|----------------------------|---|-------|
| i) Usur, sakit, gila | 7 | 10.8% |
| ii) Tiada anak (mandul) | 2 | 3.0% |
| iii) Cepat tangan keluarga | 8 | 12.3% |

Jumlah 65 100%

Jadual I: Faktor-faktor Perceraian Di daerah Sabak Bernam Selangor.

Buat kerjasama dengan ahli sains dan ahli teknologi

bahan dan teknologi

Faktor Pencetus	Bilangan	Peratus
<u>Kesalahan Suami</u>		
i) Tiada nafkah Zahir dan Batin	15	23%
ii) Suami kejam	2	3%
iii) Suami curang	4	6.2%
iv) Cemburu	1	1.5%
v) Penyelewengan dalam berpoligami	7	10.8%
vi) Tiada melakukan suruhan agama	1	1.5%
<u>Kesalahan Isteri</u>		
i) Tiada bertanggungjawab	7	10.8%
ii) Curang	1	1.5%
iii) Cemburu	2	3%
<u>Kesalahan Di kedua Pihak</u>		
(Tiada persesuaian)	9	13.8%
<u>Faktor-faktor Luaran</u>		
i) Uzur, sakit, gila	7	10.8%
ii) Tiada anak (mandul)	1	1.5%
iii) Campurtangan keluarga	8	12.3%
Jumlah	65	100%

Daripada kes-kes yang dianalisa itu penulis dapat membuat kesimpulan secara am bahawa perceraian dapat ditinjau dari beberapa sudut;

- 1) Kesalahan di pihak suami
- 2) Kesalahan di pihak isteri
- 3) Kesalahan di kedua belah pihak
- 4) Campurtangan pihak ketiga
- 5) Lain-lain faktor.

Kesalahan dipehak suami termasuklah suami tidak menafkahi keluarga zahir dan batin, suami curang, kejam dan penyelewengan dalam berpoligami, manakala kesalahan di pehak isteri seperti isteri tidak bertanggungjawab dan isteri curang. Manakala kesalahan yang berlaku di kedua belah pihak seperti tiada persesuaian/keserasian dalam kehidupan berumahtangga dan tiada perasaan saling menyayangi antara satu sama lain. Faktor campurtangan pehak ketiga pula adalah merujuk kepada campurtangan keluarga yang menambahkan lagi masalah yang dihadapi dan akhir sekali faktor-faktor luaran seperti sakit, gila, mandul dan lain-lain.

Seperkara yang penulis ingin perkatakan ialah dalam menganalisa faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perceraian di kalangan masyarakat yang dikaji ialah terdapat faktor yang bertindan lapis (*overlapping*). Dalam hal ini penulis cuba mencari apakah faktor yang paling menonjol yang menyebabkan berlakunya

perceraian itu. Berikutnya adalah analisa yang lebih terperinci terhadap faktor-faktor yang menyebabkan perceraian.

1) Kesalahan di Pihak Suami

Seperti yang tertera di jadual faktor ini merupakan faktor yang terbesar menyebabkan perceraian. Daripada 65 kes yang dikaji 15 kes (23%) suami tidak memberi nafkah zahir dan batin, 2 kes (3.1%) suami kejam dan 4 (6.2%) kes suami curang. Jumlah keseluruhannya ialah 21 kes atau 32.4%.

Daripada kajian yang dilakukan didapati ramai suami yang tidak menunaikan tanggungjawab yang sebenar seperti yang digaris-kan oleh Islam. Justeru itu jika pihak suami yang dianggap sebagai pemimpin dalam rumah tangga gagal dalam melaksanakan tanggungjawab terhadap anak isteri maka berlakulah ketidakseimbangan (disequilibrium) dalam sesebuah rumah tangga. Pada peringkat awal ia mungkin merupakan perselisihan kecil akibat sesuatu hal seperti pihak suami tidak dapat memenuhi keperluan hidup sehari-hari. Kemudian perselisihan itu akan berlarutan di mana pihak suami tetap mengabaikan tanggungjawabnya sebagai suami terhadap isteri dan anak-anak. Suami jarang pulang ke rumah. Segala keperluan anak isteri tidak dihiraukan dan terpaksa dicari oleh isteri sendiri atau mendapat bantuan dari pihak yang lain seperti daripada keluarga. Si suami yang pulang ke rumah sekali-sekala bukannya untuk menunaikan tanggungjawab, bahkan pulang dengan marah-marah, memaki hamun dan kadang-kadang memukul isteri

dan anak-anak. Akhirnya isteri tidak tahan dengan sikap suami yang sudah melampau dan mengadu ke pejabat Kadi mohon diceraikan. Dalam temuramah penulis dengan seorang wanita yang sudah bercerai, beliau menyatakan dengan panjang lebar bagaimana rumahtangga yang mereka bina hancur berkecaci. Menurutnya ketika mula mendirikan rumahtangga, hubungan antara mereka adalah baik. Selepas itu bila ia pindah ke rumah ibu mertuanya, suaminya mula berubah sikap. Ia selalu sahaja keluar malam dan pulang ke rumah hingga ke pukul 4 atau 5 pagi. Bila isteri bertanya mengapa suami selalu pulang lewat setiap malam, ia telah menipu isterinya dengan mengatakan bahawa ia sibok diwaktu malam. Suatu hari suaminya meminjam barang kemas isterinya kerana katanya hendak bekerja di Kuala Lumpur. Tetapi setelah suaminya pergi tiada pernah kembali sehingga 9 bulan lamanya ia dibiarkan tanpa nafkah zahir dan batin. Menurutnya lagi satu kesilapan besar sebelum ia mendirikan rumahtangga ialah pihak keluarganya tidak menyelidiki akan latarbelakang pihak suami dahulu. Pihak isteri hanya menerima lamaran dari pihak lelaki tanpa sebarang usul periksa. Sebenarnya suami memang mempunyai latarbelakang peribadi yang kurang baik. Ia adalah seorang penganggur dan penagih dadah dan pernah di penjara kerana kesalahan mencuri.

Selain daripada itu terdapat juga pihak suami yang meninggalkan isteri tanpa sebarang nafkah zahir dan batin untuk beberapa lama. Suami menghilang tanpa berita dan puas dihubungi tetapi tiada berhasil. Ini menyebabkan Jabatan Kebajikan Masyarakat

terpaksa mengeluarkan iklan dalam akhbar untuk menghubungi pihak suami yang menghilang itu.² Suatu contoh kes yang penulis analisa,³ sepasang keluarga terdiri dari suami, isteri dan dua orang anak telah mendirikan rumah tangga selama 6 tahun. Menurut aduan isteri, suami selalu mengabikian tanggungjawab walaupun mereka tinggal se- rumah. Hingga di satu hari suami keluar dari rumah dan tidak pulang- pulang. Setelah lebih kurang enam bulan lamanya isteri mengadu hal ini ke pejabat kadi mohon diceraikan.

Di samping itu terdapat suami yang berlaku kejam terhadap isteri dan anak-anaknya. Sikap suami yang melampaui batasan menyebabkan isteri tidak sanggup hidup bersama lagi dengan suami.

Dalam satu kes,⁴ sepasang suami isteri yang sudah mempunyai dua orang anak terpaksa bercerai kerana isteri sudah tidak tahan lagi dengan sikap suami yang melampaui batasan-batasan agama dan ketata-silaan. Menurut aduan isteri, suaminya adalah seorang yang tidak bertanggungjawab, tiada mempunyai sebarang pekerjaan dan suka berjudi dan minum arak. Tambahnya lagi, suaminya sering pulang lewat malam dalam keadaan mabuk dan marah-marah. Apabila ketiadaan wang

² Temuramah penulis dengan Puan Khaltom bte Ojali, Pegawai Kebajikan Agama Wanita, Pejabat Agama Islam Sabak Bernam, pada 19 September 1984.

³ Pejabat Agama Islam Sabak Bernam, Pegawai Kebajikan Wanita, Fail No 48/82 (PAISB PW 48/82)

⁴ Pejabat Agama Islam Sungai Besar, Pegawai Kebajikan Wanita, Fail No. 25/83 (PAISB PW 25/83)

untuk berjudi dan minum arak, ia akan meminta kepada isteri dan jika tidak diberi ia akan bertindak kejam seperti memukul dan memaki hamun isteri. Akhirnya isteri tidak tahan dengan sikap suami bila suami memaksanya menjadi pelacur untuk mendapat wang.

Dalam kes yang lain,⁵ seorang isteri mengadu ke pejabat berikutan kadi kerana suaminya bersekedudukan dengan perempuan lain. Dalam aduan isteri sejak suami berkelakuan begitu, segala tanggungjawab terhadap keluarga diabaikan. Akhirnya ia terpaksa pulang ke rumah orang tuanya untuk mendapatkan perlindungan.

Selain daripada itu terdapat juga suami yang bersikap keras terhadap isteri dan anak-anak. Pihak suami menganggap dia adalah yang paling berkuasa dan boleh melakukan apa yang disukai. Dalam temuramah penulis dengan seorang janda, beliau menceritakan bahawa perkahwinannya sudah menjangkau usia 10 tahun. Di sepanjang tempoh itu suaminya sangat mengongkong dirinya dan tidak dibenarkan keluar ke mana-mana. Menurutnya, pada suatu hari ia telah pergi ke rumah saudaranya untuk menolong membuat suatu kerja dan bila suami pulang didapati isteri tiada di rumah maka ia pun marah. Selepas itu isteri menceritakan hal yang sebenarnya dan meminta maaf atas kesalahannya. Tetapi suami tidak mengendahkannya sebaliknya menampar mukanya. Sejak peristiwa itu isteri tidak tahan lagi dengan sikap suami yang kejam.

⁵ PAISB PW 52/82.

II) Kesalahan di Pihak Isteri

Dari kajian yang penulis lakukan, sebanyak 8 kes (12.2%) berpunca dari kesalahan di pihak isteri. Ini termasuklah 7 kes (10.7%) isteri tiada bertanggungjawab dan 1 kes (1.5%) isteri berlaku curang.

Dalam menjalani kehidupan berumahtangga peranan seorang isteri amatlah penting. Kalau seorang isteri gagal memainkan peranannya sebagai seorang isteri maka ketenteraman rumahtangga akan terancam. Tugas utama seorang isteri ialah mengurus rumahtangga, mengasuh anak dan memberi layanan yang sempurna kepada suami. Kalau perkara-perkara ini tidak dilakukan, bermakna seorang itu telah mengabaikan tanggungjawabnya terhadap keluarga. Dalam suatu kes,⁶ penulis dapati seorang suami mengadu ke pejabat kadi kerana isteri tiada bertanggungjawab. Menurut beberapa perkara yang tidak patut dilakukannya seperti membasuh pakaian dan kerja-kerja dapur terpaksa dilakukan sendiri. Isteri selalu engkar dalam melaksanakan tanggungjawab. Hari-hari berlalu dipenuhi dengan tidur atau bertandang ke rumah jiran. Walaupun suami dapat bersabar tetapi lama kelamaan timbul perasaan bosan dan marah terhadap sikap isteri kerana sudah puas dinasihati tetapi tiada berkesan. Akhirnya mereka mengambil keputusan untuk bercerai.

⁶ PAISG.B/P~~CO~~ 37/82.

Di samping itu terdapat juga isteri yang cerewet dan sering meminta sesuatu sedangkan suami tak mampu untuk mengadakannya. Ini disebabkan isteri tidak dapat menahan nafsu kebendaan yang sentiasa menhantuinya dan untuk mencapai matlamat itu ia mendesak suami untuk mengadakannya. Kalau suami terdiri daripada orang berada mungkin tidak timbul masalah, tapi kalau suami berpendapatan kecil maka sudah tentu ia tidak dapat menunaikan permintaan isteri kerana ada perkara-perkara yang lebih penting terpaksa diadakan. Dalam suatu kes,⁷ seorang suami terpaksa mencerai-kan isteri kerana terlalu cerewet. Suami bekerja sebagai seorang buruh kilang dan mempunyai dua orang anak. Menurut aduannya isterinya terlalu cerewet sering meminta perkara-perkara yang diluar kemampuannya. Bila berlaku sesuatu pertengkaran isteri sering menuntut cerai dari suami.

Selain daripada itu terdapat juga isteri yang engkar terhadap perintah suami dan enggan mengikut suami. Isteri tidak mahu mengikut suami kerana suami seorang yang miskin, tiada mempunyai harta dan pekerjaan yang tetap. Dalam kajian penulis,⁸ seorang suami mengadu ke pejabat kadi kerana isteri enggan mengikutnya, sebaliknya memaksanya tinggal di rumah ibunya (ibu mertua suami).

⁷ PAISB PW 38/82.

⁸ PAISGB PW 39/83.

Ini adalah disebabkan suami tiada mempunyai harta dan pekerjaan yang tetap. Pada suatu masa dahulu, suami ada mendapat tawaran bekerja di tempat lain tetapi isteri tidak membenarkannya pergi. Tetapi kini isteri marah-marah kerana suami tiada pekerjaan sedangkan suami telah berusaha mencari tetapi gagal. Suami mengajak isteri pindah tetapi ia enggan. Akibat daripada itu suami merasa malu dan terhina menyebabkan ia mengambil keputusan untuk bercerai. Dari pada pemerhatian penulis ada beberapa faktor lain mengapa enggan mengikuti suami seperti enggan berpindah ke tempat yang tidak disukainya, tidak tahan berpisah dengan keluarga dan lain-lain.

Di satu segi yang lain sikap isteri yang curang dan menduakan suami juga adalah salah satu faktor yang menyebabkan perceraian. Tetapi faktor ini agak kecil iaitu hanya 1 kes sahaja (1.5%) daripada kes-kes yang dikaji. Ini adalah disebabkan tempat penulis menjalankan kajian adalah kawasan luar bandar yang masih banyak mengekalkan ciri-ciri kedesaan yang melarang keras perbuatan-perbuatan sumbang.⁹ Berbanding dengan kawasan yang telah maju di mana faktor ini agak mempunyai peratusan yang tinggi kerana nilai-nilai moral telah diabaikan.

⁹ Temuramah dengan Pegawai Wanita Sabak Bernam Kalthom bte Ojali pada 9 September 1984.

Selain daripada itu antu perkara lagi yang menyebabkan tiada permenakan ialah akibat knawia paksa. Akibat manjadi trend

III) Tiada Persesuaian

Faktor yang kedua besarnya menyebabkan perceraian ialah tiada persesuaian iaitu daripada 65 kes penulis dapati 9 kes (13.8%) berpunca daripada masalah ini. Masalah tiada persesuaian ini adalah agak am dan boleh dibuat kajian yang lebih khusus mengapa berlakunya ketidaksuaian dalam kehidupan berumahtangga. Di antara faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya ketidaksuaian ialah tiada lagi perasaan saling mencintai, kahwin paksa, sikap yang bertentangan dan lain-lain.

Suatu perkara yang sering terjadi kepada pasangan suami isteri ialah hilang perasaan cinta dan kasih sayang terhadap pasangan masing-masing setelah beberapa lama mendirikan rumahtangga. Dari pemerhatian yang penulis lakukan ada beberapa faktor yang menyebabkan mengapa hilangnya perasaan cinta dan kasih sayang terhadap pasangan masing-masing. Salah satu daripadanya ialah pihak suami dan isteri mempunyai sikap yang bertentangan. Contohnya di pihak suami bersikap sebagai seorang yang terlalu cermat dalam berbelanja sedangkan isteri seorang yang boros. Akibat dari dua sikap yang saling bertentangan ini maka seringkali terjadi pergaduhan dan lama kelamaan pasangan sudah tidak tahan lagi dengan sikap pasangan mereka menyebabkan berlakunya perceraian.

Selain daripada itu satu perkara lagi yang menyebabkan tiada persesuaian ialah akibat kahwin paksa. Adalah menjadi trend

orang sekarang bercinta dahulu sebelum kahwin. Tetapi terdapat juga pasangan yang berkahwin kerana paksaan oleh kedua orang tua mereka. Ini menyebabkan tiada perasaan saling mencintai di antara keduanya. Dalam temuramah penulis dengan seorang janda, menurutnya perkahwinannya adalah atas dasar paksaan dari kedua orang tuanya.¹⁰ Walaupun sudah menjadi lumrah alam perempuan lebih cepat dimakan usia dari lelaki. Walaupun pada mulanya pihak isteri cuba menolak pinangan lelaki yang mempunyai hubungan tali persaudaraan dengannya tetapi pihak keluarga lelaki mengugut bahawa hubungan tali persaudaraan mereka akan terputus jika lamaran ditolak. Oleh itu mahu tidak mahu pihak keluarga isteri terpaksa menerima pinangan itu walaupun penganti perempuan tidak berapa setuju untuk dikahwin-kan dengan lelaki itu. Kemudian setelah berkahwin ternyata tiada persesuaian dan perasaan menyayangi di antara mereka. Suami mempunyai kecacatan fizikal di bahagian mata dan kaki akibatnya isteri tidak mahu tinggal bersama suami.

¹⁰ PAPER NO 2763.

¹¹ Cepasah Utara Ibuaii Xanis berkata, "Kejujuran Karohaniar Jasmin untuk Keharuan Keluarga", 3 September 1984 bertemu di Fakulti Sains Universiti Malaysia.

Menurut beliau lagi walaupun jarak umur antara Nabi Muhammad jauh lebih awal daripada isterinya Siti Khadijah, kita perlu bangun pulu bahawa Nabi Muhammad S.A.W. adalah insan yang suci yang mewajah perkahwinan beliau adalah semata-mata kerana Allah dan bukan kerajaan kepentingan dunia, sedangkan kita sebagai insan biasa tidak dapat lari dari dorongan nafsu keduniawi. Oleh itu wapay tidak berlaku perkara-perkara yang tidak diingini kalak perkara seperti ini harus diambil pertimbangan.

Seperkara lagi di antara faktor-faktor yang menyebabkan pasangan tidak bersesuaian lagi dalam hidup berumah tangga ialah faktor lahiriah iaitu kesihatan, pemerliharaan tubuh badan, fizikal dan lain-lain. Dalam satu kes yang penulis kaji,¹⁰ terdapat pasangan yang bercerai kerana isteri sudah merasa bosan dan tidak serasi lagi tinggal bersama suami kerana suami terlalu uzur dan tidak mampu lagi untuk bermesra dengan keluarga. Menurut aduan isteri (65 tahun) lagi ia sudah tidak sanggup tinggal bersama suami kerana suami sudah terlalu tua (105 tahun) dan tidak mampu untuk memberi nafkah zahir dan batin, tidak sanggup bermesra dan bergurau senda dengan keluarga. Oleh kerana itu Islam menganjurkan supaya seelok-eloknya jarak perbezaan umur pañangan ialah suami lebih tua lebih kurang tujuh tahun dari umur isteri.¹¹ Ini memandangkan bahawa sudah menjadi rumrah alam perempuan lebih cepat dimakan usia dari lelaki. Walau bagaimapun jika kita kembali kepada Islam sepatutnya perkara seperti ini tidak seharusnya berlaku kerana tidak sepatutnya seorang isteri menuntut cerai dalam keadaan suami sedang uzur.

¹⁰ PAISB PW 2783.

¹¹ Ceramah Ustaz Ismail Kamus bertajuk, "Kemajuan Kerohanian Jaminan untuk Kebahagian Keluarga", 3 September 1984 bertempat di Fakulti Sains Universiti Malaya.

Menurut beliau lagi walaupun jarak umur antara Nabi Muhamad jauh lebih muda daripada isterinya Siti Khatijah, kita pertimbangkan pula bahawa Nabi Muhamad S.A.W. adalah insan yang suci yang mana matlamat perkahwinan beliau adalah semata-mata kerana Allah dan bukan kerana kepentingan dunia, sedangkan kita sebagai insan biasa tidak dapat lari dari dorongan nafsu keduniaan. Oleh itu supaya tidak berlaku perkara-perkara yang tidak diingini kelak perkara seperti ini harus diambil pertimbangan.

Di samping itu masalah juga timbul **kemana pihak suami** sudah merasa bosan dan jemu terhadap isteri kerana faktor-faktor fizikal seperti tidak menjaga kecantikan. Kesihatan dan kebersihan badan setelah sekian lama mendirikan rumah tangga. Walaupun tidak dapat disangkal di peringkat awal mereka mendirikan rumah tangga kebahagian dapat dirasakan, tetapi sesudah beberapa lama, ketika isteri sudah melahirkan beberapa orang anak, kecantikan, kesihatan dan kebersihan diri sudah tidak dihiraukan lagi. Akibatnya suami merasa bosan dengan sikap isteri dan mencari hiburan di luar. Kesan daripada itu menyebabkan berlakulah perselisihan dan pergolakan dalam rumah tangga yang akhirnya akan membawa kepada perceraian.

IV) Campurtangan Keluarga

Salah satu faktor yang agak ketara menyebabkan berlakunya perceraian ialah campurtangan keluarga. Dari pada 65 kes yang dikaji 8 kes (12.3%) adalah berpunca dari faktor ini. Pada anggapan penulis faktor ini agak ketara kerana di tempat penulis menjalankan kajian masih ramai lagi pasangan yang tinggal se rumah atau berdekatan dengan keluarga mereka. Campurtangan keluarga di sini bermaksud bukan tujuan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pasangan tetapi tambah mengeruhkan lagi masalah yang dihadapi. Di samping itu ada juga keluarga yang campurtangan kerana tidak

suka dengan menantu walaupun mereka hidup bahagia.

Dalam suatu kasus,¹² seorang suami (32 tahun) telah mendirikan rumah tangga dengan istri pertama (30 tahun) atas dasar suka-suka. Tetapi sejak berpisah istri pertama menunjukkan sikap yang pasangan mendirikan rumah tangga, namun hubungan mereka dengan pasif terhadap suami dan anak-anaknya. Oleh itu maka keluarga tidak terjejas. Malah perhatian yang diberikan oleh terjadilah pertengkaran di antara keduanya. Campurtangan di pihak ibubapa kepada anak mereka yang telah berumahtangga tambah mem-bahagikan lagi kehidupan mereka. Ibubapa yang sudah banyak pengalaman dalam hidup berumahtangga boleh menjadi pembimbing dalam hal ini ibubapa hendaklah berusaha untuk mengelusukan masalah kepada mereka yang baru hidup sebagai suami isteri. Di samping bukan mengambil tindakan yang membahayakan lagi keadaan, itu mereka juga boleh menjadi orang tengah untuk menyelesaikan masalah jika berlaku perselisihan antara keduanya. Tetapi ada yang menyediakan ialah campurtangan keluarga menambahkan lagi ketegangan yang dihadapi oleh pasangan. Pihak keluarga suami telah membawanya ke Kelantan (tempat asal suami) dan tidak membenarkan istri menutup dan menjaga suami di samping melarang mengikuti suami ke Kelantan. Ini menyababkan mereka terpisah selama setahun dan akhirnya ia menuntut supaya diceraikan. Dalam hal ini juga tidak sepertinya keluarga suami memisahkan antara mereka berdua dan sepertinya isterilah orang yang paling bertanggungjawab menjaga dan merawat suami yang sedang sakit itu.

12 PAI-SGB PV 8/83.

13 PAI-SGB PV 51/83.

Dalam satu kes,¹² seorang suami (22 tahun) telah mendirikan rumah tangga dengan isterinya (18 tahun) atas dasar suka sama suka. Tetapi setelah berkahwin isteri mula menunjukkan sikap yang negatif terhadap suami dan enggan mengikuti suami. Oleh itu maka terjadilah pertengkaran di antara keduanya. Campurtangan di pihak keluarga isteri menyebabkan keadaan menjadi tegang. Akhirnya isterinya di bawa pulang oleh keluarganya. Sepatutnya menurut pengajaran dalam hal ini ibubapa hendaklah berusaha untuk menyelesaikan masalah bukan mengambil tindakan yang tambah memburukkan lagi keadaan.

Dalam kes yang lain,¹³ sepasang suami isteri terpaksa bercerai kerana campurtangan dari pihak keluarga suami. Kajian bermula bila suami mendapat kemalangan jalan raya. Pihak keluarga suami telah membawanya ke Kelantan (tempat asal suami) dan tidak membenarkan isteri merawat dan menjaga suami di samping melarang mengikuti suami ke Kelantan. Ini menyebabkan mereka terpisah selama setahun dan akhirnya ia menuntut supaya diceraikan. Dalam hal ini juga tidak sepatutnya keluarga suami memisahkan antara mereka berdua dan sepatutnya isterilah orang yang paling bertanggungjawab menjaga dan merawat suami yang sedang sakit itu.

12 PAI SGB PW 8/83. di pihak suami. Akibat daripada penyelidikan yang

13 PAI SGB PW 57/83. yang mengakibatkan poligami maka berlakuh pergolakan dalam rumah tangga dan ia adalah merupakan satu faktor

Di samping itu ada juga terdapat keluarga yang asyik menghasut anaknya supaya mereka bercerai. Kerana mereka tidak suka pada menantu. Walaupun pasangan itu hidup dalam bahagia. Dalam temuramah penulis dengan seorang wanita yang sudah bercerai beberapa tahun yang lampau, menyatakan bahawa perceraianya adalah atas hasutan ibunya. Apa yang menjadi masalah mereka ialah sikap ibunya yang terlalu cerewet di mana segala tindak tanduk suaminya tidak disenangi dan serba tidak kena. Lama kelamaan suami tidak tahan tinggal serumah dengan ibu mertua dan mengajak isterinya pindah. Walau bagaimanapun ibu mertuanya enggan membenarkan anaknya mengikuti suami berpindah. Oleh kerana isteri mengikut cakap ibunya akhirnya berlakulah pertengkaran di antara mereka dan akhirnya, suami mengambil keputusan untuk bercerai. Dalam hal ini. Menurut pertimbangan atas keadaan tersebut, kesalahan jelas di pihak ibu mertua. Di samping itu isteri sepautnya mengikut perintah suami, kerana sesudah ia berkahwin tanggungjawab kepada suami adalah lebih besar daripada tanggungjawab terhadap ibubapa sedangkan kesalahan ternyata di pihak ibunya.

V) Penyelewengan Dalam Berpoligami

Walaupun Islam membenarkan seorang lelaki berkahwin lebih daripada satu, tetapi nampaknya peluang ini telah disalahgunakan oleh setengah-setengah pihak. Akibat daripada penyelewengan yang dilakukan oleh mereka yang mengamalkan poligami maka berlakulah pergolakan dalam rumah tangga dan ia adalah merupakan satu faktor

yang menyebabkan perceraian. Dalam kajian penulis didapati 7 kes (10.8%) perceraian berpunca daripada masalah ini. Dalam aduan-aduan yang diajukan ke pejabat kadi didapati bahawa suami tidak berlaku adil setelah suaminya berkahwin lain. Dalam Al Quran Allah ada berfirman bermaksud;

"Jika kamu takut tidak akan berlaku adil, kahwinlah seorang sahaja".

(Al Nisa: 3)

Dalam Islam, seorang lelaki boleh berkahwin daripada satu tetapi hendaklah mempunyai syarat-syarat yang telah ditentukan. Seperti berkemampuan memberi nafkah dan tempat tinggal, berlaku adil antara isteri-isteri dan tidak menyusahkan isteri pertama dan anak-anak.¹⁴ Dalam kes-kes yang penulis analisa, kebanyakannya suami tidak berlaku adil terhadap isteri dan kebanyakannya ditumpukan kepada isteri muda. Dalam satu kes,¹⁵ seorang isteri (isteri ketiga) mengadu kepejabat kadi bahawa suaminya berubah sikap bila beristeri empat. Nafkah zahir batin tidak mencukupi dan pembahagian masa untuk isteri-isteri juga tidak adil kerana sebahagian besar masanya ditumpukan kepada isteri muda. Sejak daripada itu seringlah

¹⁴ Lihat Haji Dusuki Haji Ahmad, "Poligami dalam Islam" Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia Kuala Lumpur, 1978, hal 12-26

¹⁵ PAI SGB PW 5/83.

berlaku pertengkaran di antara mereka. Menurutnya lagi suaminya tidak sepatutnya berkahwin sampai empat kerana pekerjaannya sebagai jaga sekolah tidak mencukupi untuk menyarai isteri dan anak-anak yang ramai.

Dari 7 kes berpusing dari pihak isteri dan 2 kes dari pihak suami.

Seperkara lagi yang menyebabkan berlakunya perceraian akibat poligami ialah suami menempatkan mereka dalam sebuah rumah menyebabkan selalu berlaku pertengkaran antara isteri tua dan isteri muda. Daripada 7 kes, 2 kes disebabkan oleh faktor ini. Dalam satu kes, seorang isteri mengadu bahawa ia bernikah dengan suaminya 8 bulan yang lalu dan tinggal serumah dengan isteri tua. Menurutnya sering berlaku pertengkaran antarnya dengan isteri tua. Suami tidak berlaku adil kerana terpaksa mengikut perintah isteri tua. Kerana sikap isteri tua yang suka berleter pada suatu hari berlaku pertengkaran besar dan isteri muda tidak tahan lalu dari meninggalkan rumah.

Pada pandangan penulis, seorang suami itu haruslah mempertimbangkan dengan teliti dahulu berbagai aspek sebelum ia mengambil keputusan untuk berpoligami. Beberapa faktor seperti kemampuannya memberi nafkah zahir batin dan keadilan harus di ambil kira. Di samping itu seelok-seloknya perkahwinan itu hendaklah mendapat persetujuan isteri dan anak-anak supaya tidak timbul masalah berbangkit kelak.

16 PAJ SUB PG 18/83.

17 PAJ SUB PG 23/83.

VI) Cemburu

Faktor ini agak kecil iaitu daripada 65 kes yang dikaji cuma 3 kes (4.6%) sahaja yang berpunca daripada masalah ini yakni 2 kes berpunca dari pihak isteri dan satu kes dari pihak suami. Daripada analisa yang penulis lakukan, sikap cemburu yang membabi buta dan tidak menentu menyebabkan pasangan berasa bosan kerana segala geraklakunya terlalu dikongkong oleh pihak yang lain. Ini seolah-olah membayangkan sikap tidak percaya terhadap kejujuran pasangan. Akibat daripada itu maka seringlah berlaku krisis-krisis rumah tangga kerana di satu pihak sering berlester kerana sikap tidak percaya dan di satu pihak yang lain bosan dengan leteran itu.

Dalam satu kes,¹⁶ seorang suami menceraikan isterinya kerana sudah tidak tahan dengan sikap isterinya yang terlalu cemburu. Menurutnya lagi sejak tiga tahun kebelakangan ini keadaan rumah tangganya sudah tidak tenteram lagi. Sering sahaja berlaku krisis di mana isteri berlester kepada perkara-perkara yang bukan-bukan seperti menuduh suami membuat perhubungan dengan wanita lain. Dalam kes yang lain,¹⁷ seorang suami menceraikan isteri dari perasaan cemburu dan menuduh isteri berlaku curang terhadapnya. Dalam hal ini penulis berpendapat dalam memutuskan sesuatu perkara seseorang itu haruslah menyelidiki dahulu perkara ini dalam-dalam kerana ke-

¹⁶ PAI SGB PW 19/83.

¹⁷ PAI SGB PW 23/82.

¹⁸ PAI SGB PW 21/83.

mungkin ia hanya merupakan fitnah orang lain yang suka melihat orang lain berpecah belah. Hindarkan dari mempercayai bulat-bulat akan khabar-khabar angin yang menceritakan tentang keburukan terhadap pasangan masing-masing.

VII) Lain-lain Faktor

Lain-lain faktor yang penulis dapati merupakan punca kepada berlakunya perceraian ialah uzur, sakit dan gila (10.8%), mandul (1.5%) dan tiada melakukan suruhan agama (1.5%). Dari pada apa yang penulis perhatikan. Walaupun pasangan pada awalnya hidup berbahagia dalam kehidupan berumahtangga, keadaan berubah bila berlakunya sesuatu perkara di satu pihak yang menyebabkan keharmonian rumah tangga terjejas. Contohnya jika di satu pihak ditimpa penyakit atau gila yang boleh menjadikan keharmonian hidup berumahtangga. Dalam kontek ini adalah dibolehkan di satu pihak menuntut cerai dengan jalan 'fasakh' di mahkamah, jika dirasakan mereka benar-benar sudah tidak boleh hidup bersama lagi dan jika diteruskan juga nescaya akan mendatangkan kemudarat. Dalam satu kes,¹⁸ seorang isteri menuntut cerai di mahkamah kerana suaminya dihingapi penyakit gila di mana ia berkelakuan luar biasa. Isteri sudah tidak sanggup tinggal bersama suami kerana sentiasa berada dalam ketakutan. Dalam kes yang lain pula,¹⁹ seorang suami menuntut cerai di mahkamah

¹⁸ PAI SB PW 16/83.

¹⁹ PAI SGB PW 27/83.

kerana isteri mengidap penyakit dalam rahim. Ini menyebabkan hasrat sexual suami tidak dapat dipenuhi kerana isteri tiada mampu untuk melakukan persetubuhan dengan suami.

VIII SATU PANDANGAN MENGENAI PERCERAIAN DAN PERKAHWINAN DI DAERAH SABAK BERNAM

Jadual 2: Jumlah Perkahwinan, Cerai dan Rujuk di Daerah Sabak Bernam.

Tahun	Nikah	Cerai	Rujuk
1977	270	35	4
1978	232	35	3
1979	270	27	4
1980	245	24	6
1981	248	21	4
1982	248	34	6
1983	291	31	7

Sumber: Jabatan Agama Islam Sabak Bernam di Sabak Bernam (Utara)

Utara pada tahun 1977 ialah 270 menurun kepada 232 pada tahun 1978 dan meningkat kembali ke angka 270 pada tahun 1979. Begitu juga

²⁰ Jadual di atas diambil di dua buah Jabatan Agama Islam yang terdapat di daerah Sabak Bernam iaitu Pejabat Agama Islam Sabak Bernam dan Pejabat Agama Islam Sungai Besar Selangor.

dengan percas Jadual 3

dan pada 1979 jumlah perkahwinan yang telah naik

semula ke

Tahun	Nikah	Cerai	Rujuk
1977	537	73	12
1978	540	58	9
1979	586	62	10
1980	536	46	6
1981	596	59	6
1982	570	38	9
1983	647	40	5

pernikahan di Sabak Bernam meningkat dan jumlah

Sumber: Jabatan Agama Islam Sungai Besar Selangor (Selatan)

secara umum yang penulis lakukan berdasarkan angka-angka yang di-

Kedua buah jadual adalah menunjukkan kadar pernikahan, perceraian dan rujuk yang berlaku di daerah Sabak Bernam Selangor.²⁰

Dari pada jadual ini menunjukkan kadar perkahwinan perceraian dan rujuk tidak mempunyai satu hala yang tertentu. Kadar perubahan di antara satu tahun dengan tahun yang lain tidaklah begitu ketara kerama ia sering turun dan naik. Contohnya nikah di Sabak Bernam Utara pada tahun 1977 ialah 270 menurun kepada 232 pada tahun 1978 dan menaik bilangannya keangka 270 pada tahun 1979. Begitu juga

²⁰ Jadual di atas diambil di dua buah Jabatan Agama Islam yang terdapat di daerah Sabak Bernam iaitu Pejabat Agama Islam Sabak Bernam dan Pejabat Agama Islam Sungai Besar Selangor.

menegiken pendapatan mereka dan disertengah-setengah pihak-pihak ada yang mendapat sumbangan dari pada anak-anak mereka yang telah bekerja.

²¹ Sesarembah penulis dengan Pegawai Kehajikan Wanita Pejabat Agama Sungai Besar, seorangnya sambutan orang ramai terhadap Jabatan dalam menyelenggara krisis rumah tangga yang mereka hadapi adalah menggalakkan.

dengan perceraian. Pada tahun 1977 sebanyak 35 perceraian berlaku dan pada 1978 menurun bilangannya kepada 27. Tetapi telah menaik semula ke angka 34 pada tahun 1982.

Pola yang sama ditunjukkan daripada data yang diperolehi di Jabatan Agama Islam Sungai Besar (Sabak Bernam Selatan). Pada tahun 1977 jumlah nikah lebih 537. Menaik kepada 586 pada 1979 dan bilangannya menurun semula pada tahun 1980 iaitu cuma 536. Walau bagaimanapun penulis dapat membuat kesimpulan bahawa jumlah pernikahan di daerah ini adalah cenderung kepada menaik dan jumlah perceraian pula cenderung kepada menurun. Ini adalah satu kesimpulan secara umum yang penulis lakukan berdasarkan angka-angka yang diperolehi mengenai nikah cerai dan rujuk selama 7 tahun kebelakangan ini (1977 - 1983).

Beberapa andaian yang dapat penulis lakukan ialah kadar suku bunga perkahwinan yang dibentuk oleh bank dan institusi. Jumlah cenderung kepada menaik ialah kerana bertambahnya bilangan besar contoh ditinjau dari matlamat perkahwinan dalam Islam buku golongan muda yang berkahwin di samping kenaikan taraf ekonomi mereka yang membolehkan mereka mampu untuk berkahwin. Sedangkan perceraian cenderung menurun pula ialah kerana kesedaran masyarakat tentang kekeluargaan Islam, keberkesanan Jabatan Agama dalam menyelesaikan masalah suami isteri²¹ dan kenaikan taraf ekonomi keluarga dengan adanya projek-projek kerajaan yang membantu meninggikan pendapatan mereka dan disetengah-setengah pihak pula ada yang mendapat sumbangan daripada anak-anak mereka yang telah bekerja.

²¹ Temuramah penulis dengan Pegawai Kebajikan Wanita Pejabat Agama Sungai Besar, menurutnya sambutan orang ramai terhadap Jabatan dalam menyelesaikan krisis rumah tangga yang mereka hadapi adalah menggalakkkan.

BAB VI

KESIMPULAN

Daripada perbincangan-perbincangan yang lalu tentang perkahwinan, kekeluargaan dan perceraian, apa yang jelas kepada kita ialah Islam telah menggariskan selengkapnya ajaran-ajaran yang merangkumi bidang ini. Islam sebagai agama yang berdiri atas konsep kesejahteraan telah menggariskan berbagai peraturan dan anjuran agar umatnya hidup di dunia ini dengan aman dan sejahtera. Islam sebagai agama yang bertamaddun tinggi, sebelum terbinanya keluarga yang bahagia hendaklah melalui perkahwinan yang sah di sisi Allah dan masyarakat. Perkahwinan ditinjau dari perspektif Islam yang merangkumi aspek-aspek hukum, matlamat dan syarat perkahwinan seterusnya panduan pemilihan jodoh itu sebenarnya digariskan sebegini rupa agar perkahwinan yang dibentuk akan kukuh dan bahagia. Sebagai contoh ditinjau dari matlamat perkahwinan, dalam Islam bukan semata-mata untuk kepuasan sex tetapi jauh daripada itu, kerana kalau sex menjadi matlamat utama maka dengan mudah rumah tangga yang dibina akan mengalami keruntuhan kerana manusia mempunyai sifat yang cepat jemu terhadap sesuatu. Begitu juga dalam aspek pemilihan jodoh Islam mengutamakan agama kerana kalau kecantikan menjadi pilihan utama nescaya kecantikan itu akan menjadikannya bongkak dan lama kelamaan kecantikan itu akan lutur juga akhirnya. Jadi adalah tepat kalau dikatakan perkahwinan dari perspektif Islam adalah asas dalam pembentukan keluarga yang bahagia.

Walau bagaimanapun perkahwinan yang dibina atas dasar mengetahui Islam sahaja tidak akan menjamin keluarga yang dibina akan bahagia. Untuk mencapai kebahagiaan dalam rumah tangga umat Islam seharusnya mengamalkan sistem kekeluargaan yang telah di-anjurkan oleh Islam. Dalam sistem kekeluargaan Islam yang berpandu kepada Al Quran dan Hadith amat menekankan tanggungjawab dan peranan setiap individu yang telah diamanahkan oleh Allah kepadanya demi untuk menjamin kesetabilan dan keharmonian dalam rumah tangga. Jika berlakunya pengabaian tanggungjawab dan peranan yang telah di-amanahkan kepada setiap individu nescaya akan berlakulah porak peranda dalam kehidupan berumah tangga. Ibarat seperti yang penulis telah perkatakan seperti unsur-unsur dalam sebuah organisma biologi yang mempunyai peranan (function) dan saling bergantungan (inter-dependent) di antara satu sama lain dan jika satu daripada unsur itu tidak berfungsi lagi nescaya organisma biologi itu akan mati. Dalam kajian penulis ternyata punca utama berlakunya perceraian adalah disebabkan oleh pengabaian tanggungjawab dan peranan yang telah diamanahkan terhadap mereka. Ini terbukti bila punca terbesar yang menyebabkan perceraian adalah kerana pengabaian tanggung-jawab oleh suami termasuklah tiada memberi nafkah zahir batin, penyelewengan dalam poligami, kejam, curan dan lain-lain. Begitu juga tidak kurangnya punca perceraian disebabkan oleh isteri tidak menunaikan tanggungjawab sebagaimana yang digariskan oleh Islam. Seterusnya jaminan untuk kebahagiaan sesebuah rumah tangga bukan terletak kepada kemewahan di dunia semata-mata tetapi apa yang

lebih penting ialah kesedaran individu terhadap peranan dan tanggungjawab masing-masing yang telah diamanahkan oleh Allah terhadapnya. Telah banyak yang berlaku di kalangan masyarakat kita masakini walaupun segala kemewahan di dunia diperolehi lebih daripada mencukupi tetapi kebahagiaan tidak dapat dirasakan kerana pengabaian tanggungjawab terhadap keluarga. Ini adalah kerana konsep tanggungjawab dan peranan dalam Islam itu tidak sempit yang hanya merangkumi aspek kebendaan sahaja tetapi lebih jauh daripada itu yang merangkumi aspek batiniah iaitu perasaan kasih sayang, kemesraan, tolak ansur dan sebagainya.

(yang berikut)

Di samping itu seandainya berlaku krisis dalam rumah-tangga kerana seperti yang penulis perkatakan ia merupakan asam garam dalam kehidupan berumahtangga. Islam mempunyai cara kepada penyelesaian. Dalam menghadapi krisis dalam rumah tangga Islam menganjurkan supaya setiap individu bersikap matang, saling memahami, bertolak ansur, bersabar dan yang pentingnya keimanan yang kukuh kepada Allah dan Rasulnya. Hingga di satu tahap di mana krisis sudah tidak dapat dibendung lagi, Islam mengharuskan perceraian. Tujuannya kerana seandainya perceraian tidak dibenarkan nescaya akan menimbulkan kemudaratian kepada pihak-pihak tertentu. Di samping pembebasan dari ikatan itu akan memberi peluang kepada mereka agar dapat membina rumah tangga lain yang diharapkan akan bahagia.

¹ Haji Saniat Haji Mahmood; *Undang-undang Keluarga Islam*, hal 79.

Dalam masalah perceraian jelas Islam bersikap adil dan tidak menyebelahi mana-mana pihak. Adalah tidak benar anggapan setengah-setengah¹ pihak yang mengatakan bahawa dalam Islam perceraihan adalah di bawah kuasa mutlak suami. Anggapan ini sebenarnya datang dari mereka yang tidak faham tentang Islam sebenarnya bukan suami sahaja yang mempunyai hak dalam menceraikan isterinya bahkan isteri juga berhak menuntut cerai dengan jalan fasakh dan khuluq sekiranya mempunyai syarat yang telah ditentukan oleh ajaran Islam. Begitu juga walaupun perceraian diharuskan di dalam Islam tidak bermakna Islam menggalakkan perceraian seperti hadith Nabi yang bermaksud;

"Barang yang halal yang paling dibenci oleh Allah ialah Talaq".¹

(Riwayat Abu Daud dan Ibnu Majah)

Ini adalah memandangkan bahawa perceraian itu akan mendatangkan beberapa implikasi yang negatif kepada individu dan masyarakat. Kesan pertamanya ialah terhadap ahli keluarga yang mengalami perceraian itu akan mengalami tekanan psikologi yang kuat yang kelak akan menimbulkan kesan yang lebih buruk lagi. Di samping itu harus difikirkan soal anak-anak yang telah kehilangan ibu atau bapa akibat perceraian tadi. Anak-anak akan hilang tempat bermanja, tempat mengadu dan tempat mencerahkan kasih sayang akibat daripada

¹ Haji Sanusi Haji Mahmood; Undang-undang Keluarga Islam, hal 79.

perceraian. Dari segi masyarakat pula perceraian mungkin akan merengangkan perhubungan antara keluarga yang mengalami perceraian.

Memandangkan bahawa perceraian merupakan masalah sosial Islam yang harus diambil berat marilah sama-sama kita mengambil daya usaha untuk mengelakkan daripada berlakunya perkara yang tidak diingini ini. Langkah pertamanya ialah terhadap keluarga kita sendiri sebelum mengambil kira hal masyarakat sejauhmanakah setakat ini kita mengamalkan sistem kekeluargaan yang dianjurkan oleh Islam atau kita telah mengambil sistem dari barat sebagai pengganti kepada sistem kekeluargaan Islam yang sudah ternyata benarnya itu? Kemudian kita renungkan pula sejauhmanakah masyarakat Islam kini mengamalkan sistem kekeluargaan Islam dan jika ia masih belum terlaksana marilah kita bersama-sama menuju ke arah itu agar kita dapat hidup dalam sebuah rumah tangga yang bahagia dan sejahtera.

Saranan Penulis Untuk Mengelakkan Berlakunya Perceraian Dalam Masyarakat

- 1) Saranan pertama penulis ialah agar umat Islam masa kini mempertingkatkan pengetahuan mereka tentang agama Islam kerana Islam itu adalah satu daripada segala ilmu di samping ilmu yang bercorak keduniaan. Dengan pengetahuan agama yang lengkap nescaya setiap individu akan lebih matang, yakin dan benar dalam menghadapi segala macam masalah yang mereka hadapi termasuk masalah rumah tangga. Jadikanlah Quran dan Hadith sebagai rujukan bagi segala macam masalah di dunia ini.

- 2) Di samping itu pihak-pihak tertentu seperti Jabatan Agama Islam, jawatankuasa masjid atau surau atau orang-orang perseorangan mengadakan ceramah-ceramah agama khusus bagi sistem kekeluargaan Islam. Dewasa ini ceramah-ceramah yang bercorak ini amat kurang sekali diadakan. Supaya dengan adanya ceramah-ceramah bercorak ini akan mempertingkatkan lagi kefahaman masyarakat tentang sistem kekeluargaan Islam. Dewasa ini apa yang pernah diadakan ialah kursus perkahwinan, tetapi penulis rasakan kursus perkahwinan sahaja tidak mencukupi untuk membentuk sebuah keluarga bahagia.
- 3) Penguatkuasaan undang-undang keluarga Islam yang lebih adil dan berpandukan kepada Al Quran dan Hadith agar dengan adanya undang-undang yang dilaksanakan lebih menjamin lagi ketenteraman dalam berumahtangga. Dalam berpoligami ~~umpamanya~~ pihak Jabatan agama Islam hendaklah menyiasat terlebih dahulu dengan lebih terperinci latarbelakang sisuami seperti kemampuannya dari segi ekonomi agar tiada berlaku penyelewengan kelak. Di negeri Selangor beberapa fasal mengenai kekeluargaan telah digubal supaya kes-kes yang tersebut dapat dikurangkan seperti menurut fasal 155 bil 6 yang dikuatkuasakan pada 1.1.1984 menaikkan denda daripada \$50 atau penjara 14 hari kepada denda \$300 atau 2 bulan penjara kepada suami yang meninggalkan isteri.² Begitu juga

² Di petik daripada buku "Sembah Taklimat oleh yang Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor., terbitan Jabatan Agama Islam Selangor Shah Alam, 1984, hal 41.

bagi isteri yang tiada taat hukuman dinaikkan daripada denda \$10 / 7 hari penjara kepada denda \$100 bagi kali pertama dan \$500 bagi kali kedua.³ Penulis beranggapan undang-undang ini adalah wajar dan diharapkan banyak lagi fasal akan digubal. sekurang-kurangnya dengan terlaksana undang-undang yang ketat dan adil akan mendorong individu mengelakkan daripada melakukan perkara-perkara yang akan menjaskan keharmonian rumah tangga.

- 4) Meluaskan lagi khidmat nasihat seperti yang ada sekarang iaitu dengan mengadakan Pegawai Kebajikan Wanita yang bertugas memberi nasihat kepada pasangan-pasangan yang menghadapi masalah. Pada pendapat penulis masih ramai lagi di kalangan masyarakat yang masih belum tahu lagi tentang adanya perkhidmatan ini. Seboleh-bolehnya mereka yang dilantik menjadi pegawai khidmat nasihat ini hendaklah terdiri daripada mereka yang benar-benar tahu tentang Islam, mempunyai pengalaman yang luas dalam masalah kekeluargaan, pandai berdiplomasi dan sabar kerana mereka mempunyai satu tanggungjawab yang berat dalam menyelesaikan masalah yang bermacam ragam yang dihadapi oleh masyarakat. Pegawai-pegawai patut ditambah bukan sahaja dari golongan wanita bahkan juga dari golongan lelaki kerana apa yang penulis dapat ialah kebanyakannya pengadu yang datang meluahkan masalah di pejabat kadi ialah golongan perempuan kerana kaum lelaki agak malu untuk

³ Ibid, hal 41.

meluahkan masalah mereka kepada pegawai wanita. Sebelum ini masalah dikemukakan kepada kadi tetapi kadi tidak dapat memberi layanan sepenuhnya kerana ia banyak mempunyai tugas-tugas lain.

- 5) Memperkemaskinikan pentadbiran Jabatan Agama Islam seperti meninggikan disiplin supaya pegawai-pegawai yang bertugas mempunyai semangat, cekap dan dedikasi serta berinnovatif dan bertanggungjawab. Pegawai-pegawai agama patut juga diberi latihan kerana ia akan mempunyai implikasi yang memberikan kelincinan dan kesempurnaan kepada perjalanan jentera pentadbiran jabatan. Para kadi juga perlu mengetahui perundangan moden hari ini selain daripada mahir dalam perundangan Islam. Dengan itu keputusan atau hukum yang akan dikenakan adalah lebih sesuai dengan kehendak perundangan Islam dan kehendak masyarakat masing-masing. Di samping itu pihak jabatan juga hendaklah bekerjasama dengan lain-lain badan seperti Family Caunceling yang ditubuhkan oleh Kementerian Kebajikan Am Malaysia terutama dalam mengkaji masalah-masalah yang timbul di dalam sebuah rumah tangga dan memberikan nasihat kepada pihak suami isteri. Di samping itu jabatan juga hendaklah merekodkan dengan lebih detail tentang kes-kes yang diajukan kepada jabatan agar dapat memberi panduan kepada masalah-masalah akan datang.

BIBLIOGRAFI

- Alfian (ed)., Segi-segi Budaya Masyarakat Aceh, Yayasan Ilmu-ilmu Sosial, Jakarta, 1977.
- Abdullah Siddik S.H., Hukum Perkahwinan Dalam Islam, Penerbitan Tintamas, Jakarta, 1968.
- Abdul Rauf Ala Mandudi., Towards Understanding Islam Lahore, 1966.
- Abdul Hamid Al Khattab, Syaikh., Ketinggian Risalat Nabi Muhamad, Bulan Bintang, Jakarta, 1977.
- Al Ghazali, Imam., Thya Umuluddin, terjemahan, Jilid 2 Pustaka Nasional PTE, Ltd Singapore.
- Goode, W.J - Hatt PK., Method in Social Research, McGraw Hill, Kagakusha, Series In Anthropology and Sociology, New York, 1982.
- Gibb, Sir Hamilton Russken., Whether Islam?; A Survey of modern Movement; The Musein World, London, 1932.
- Hamdi Ab dalati, Dr., Islam Dalam Sorotan, Pustaka Nasional PTE Ltd, Singapore. 1982.
- K.N. Ahmed., The Muslim Law of Divorce, Islamic Research Institutes Islamabad, Pakistan 1972.
- K.H. Mohamad Nawawi Banten., Suami Isteri yang Soleh (terjemahan) Pustaka HHP, Kelang, Selangor, 1984.
- Mohamad Abdul Rauf., The Islamic View of Women and the Family, Robert Speller and Sons, Publisher Inc, New York, 1977
- Muhamad Jamil., Marriage and Dissolution In Muslim Law, The Kapur Art Printing Works, Lahore, 1942.
- Mohamad Imran., Ideal Women In Islam, Islamic Publication Limited, 1979.
- Mohamed Mazhezuddin Siddiqi., Women In Islam, Lahore 1952.
- Muhamad Ali., The Religion of Islam, Rippon Printing Press, Lahore, 1935.

Muhamad Qutb., Islam; The Misunderstood Religion, Publisher by ministry of Awqaf and Islamic Affair State, Kuwait 1967.

Mahmud Junus., Hukum Perkahwinan dalam Islam, Pustaka Mahmudiah, Jakarta, cetakan kedua, 1960.

_____, Tafsir Quran Karim, Bahasa Indonesia cetakan 12.

Md Ali Al Hamidy., Islam dan Perkahwinan, Al Haramain PTE. LTD, Singapore, cetakan II, 1981.

Moser & Kalton., Survey Method on Social Investigation, 2nd edition, London, 1981

N.J, Comlson., A History of Islamic Law, Edinburgh University Press, 1964, reprinted 1978.

Robin Fox., Kekeluargaan dan Perkahwinan, terjemahan DBP, 1978.

Sanusi b. Haji Mahmood, Haji., Undang-undang Keluarga Islam, Syarikat Dian Sdn Bhd, 1978.

Said Abdul Al Hatimi, Women In Islam; A comparative Study, Islamic Publication Ltd, Lahore, Pakistan, 1979.

Sidi Gazalba, Drs., Di ambang Pintu Perkahwinan, Pustaka Antara, 1981.

Seltiz Claire., Research Methods In social Relation, Revised one volumned Edition, New York, 1959.

Tahir Mahmood., Family Planning; The Muslim View point, Vikas Publishing House, PV7 Ltd, 1977.

Latihan Ilmiah

Murad Muhamad, Pola-pola Perceraian dalam Masyarakat Islam di Daerah Mersing, Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya 1976/77 (tidak diterbitkan)

Ismail Dollah, Faktor-faktor Perceraian Dalam Masyarakat Melayu Kelantan; Kajian Kes di Kota Baharu, Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya, 1981/82.

Sahar Banum b. Hj. Jaafar, Faktor-faktor Perceraian dan Akibat di kalangan Wanita di Kuala Lumpur, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya 1969.

Wan Arfah bte Wan Ibrahim., Satu Kajian Mengenai Perkahwinan dan Perceraian di Kedah, Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya 1981.

Suppiah Meon., Kuasa Mahkamah Syariah dalam Perkahwinan dan Perceraian dari Pembahagian Harta Pusaka; Kesan ke atas Adat Pepatih. Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya.

Nik Ramlah Nik Mahmud., Muslim Divorce In Kelantan, A Socio Legal Study, Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya.

Haliyah Abas., Perkahwinan dan Perceraian di Kalangan Orang Islam di Negeri Sembilan, Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya.

Journal

Jabatan Agama Islam Selangor., Buku Sembah Taklimat; Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor, 1983.

Akhbar

Berita Harian, 27 Julai 1984

Berita Minggu, 12 Ogos 1984